

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

1. Apakah status semasa projek Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) setelah melantik PDC sebagai *Project Management Office* (PMO)?
 - (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri memantau projek ini?
 - (b) Berapakah kos yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri untuk projek ini?
 - (c) Sejauh manakah projek ini akan diteruskan sekiranya tiada pelabur?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Penang Development Corporation (PDC) telah dilantik sebagai *Project Management Office* (PMO) bagi Projek Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) pada 2 Ogos 2021. Susulan itu, pihak PDC telah melaksanakan perolehan secara *Request For Proposal* (RFP). Walau bagaimanapun, RFP tersebut tidak menerima sebarang cadangan pembangunan HIPP.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sentiasa berusaha untuk merealisasikan pembinaan HIPP. Justeru, Unit Wakaf MAINPP telah dilantik sebagai Project Management Consultant (PMC) berdasarkan keupayaan dan pengalaman.
 - (b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang kos untuk projek ini.

- (c) Kerajaan Negeri percaya bahawa Projek HIPP mempunyai prospek yang cerah dengan keupayaan memperkasa Pulau Pinang sebagai hub pelancongan kesihatan. Oleh itu, pendekatan Public-Private Partnership (PPP) dilihat sebagai formula yang efisien bagi pelaksanaan projek tersebut. PPP juga akan mengoptimumkan hasil Kerajaan Negeri dalam bentuk pemilikan dan ekuiti dengan penglibatan pihak swasta menjana modal dalam pembangunan HIPP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

2. Senaraikan Projek Tebatan Banjir di Pulau Pinang yang sedang dan akan dibina berserta kos dan sama ada di bawah projek Negeri atau Persekutuan.
 - (a) Sejauh manakah tebatan banjir yang dibina sebelum ini menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Projek tebatan banjir yang sedang dalam pelaksanaan dan akan dibina di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Masalah banjir terutamanya banjir kilat sememangnya tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Inisiatif dan tindakan berterusan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui pelaksanaan projek-projek tebatan banjir dan naik taraf sistem saliran adalah bertujuan untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang paling minimum.

Pembangunan yang pesat dan berterusan juga sedikit sebanyak mengganggu laluan air ke sungai/parit berdekatan dan meningkatkan risiko kejadian banjir. Ini menyebabkan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir perlu diteliti semula dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa.

Selain itu, setiap projek tebatan banjir juga mempunyai limitasi reka bentuk kerana faktor-faktor yang diambil kira dan diteliti semasa proses kajian, reka bentuk terperinci dan pemilihan reka bentuk akhir adalah tertakluk kepada kedudukan dan peruntukan kewangan semasa. Faktor-faktor seperti perubahan iklim, utiliti, impak sosio ekonomi dan kekangan tapak turut memainkan peranan dalam penentuan setiap reka bentuk projek tebatan banjir yang dilaksanakan.

JADUAL 1: SENARAI PROJEK TEBATAN BANJIR di PULAU PINANG

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
1	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Siakap, Daerah Seberang Perai Tengah.	15,405,248.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
2	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Pinang, Daerah Timur Laut.	114,807,400.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
3	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh/ Sungai Burong, Daerah Barat Daya.	5,008,012.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
4	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan.	7,959,450.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
5	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan.	90,540,454.40	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
6	Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa di CH 3000 sehingga CH 4300, Daerah Seberang Perai Tengah.	15,616,258.60	Negeri	Peringkat Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
7	Projek Tebatan Banjir Solok Van Praagh, Jelutong, Daerah Timur Laut.	6,224,361.70	Negeri	Peringkat Pembinaan
8	Projek Tebatan Banjir Kawasan Sanglang (Fasa 1), Daerah Seberang Perai Selatan.	10,822,207.94	Negeri	Peringkat Pembinaan
9	Tender Semula Projek Tebatan Banjir Parit Monsun Kampung Pokok Asam, Jelutong, Daerah Timur Laut.	4,250,550.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
10	Penyelenggaraan dan Pembaikan Parit serta Bahu Jalan di Lebuh Carnarvon, Daerah Timur Laut.	1,954,000.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
11	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran di Jalan Larut (Hadapan SK Wellesley), Daerah Timur Laut.	215,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
12	Kerja-kerja Menaik Taraf Menaik Taraf Sistem Saliran di Lebuh Duke, Daerah Timur Laut.	369,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
13	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran, Bahu Jalan dan Kerja-kerja Berkaitan di Gat Lebuh Macallum, Daerah Timur Laut.	317,137.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
14	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran dan Kerja-kerja Berkaitan di Lebuhraya Cintra, Daerah Timur Laut.	350,055.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
15	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran di Jalan P. Ramlee dan Pemasangan Screw Pump bagi Mengurangkan Impak Banjir di Sekitar Jalan P. Ramlee dan Lengkok P. Ramlee, Daerah Timur Laut.	664,040.00	Persekutuan	Peringkat Pembinaan
16	Kerja-kerja Menaik Taraf Parit Monsun Jalan Siram, Bagan Dalam, Daerah Seberang Perai Utara.	4,242,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
17	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kolam Tadahan Taman Sejahtera, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah.	2,567,700.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
18	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan Taman Machang Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah.	1,534,970.00	Negeri	Peringkat Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
19	Projek Rancangan Tebatan Banjir Jalan Medan Tembikai, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah.	5,400,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
20	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Membina Rumah Pam Taman Inderawasih, Perai, Daerah Seberang Perai Tengah.	1,050,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
21	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan Bandar Perda, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah.	100,000.00	Negeri	Peringkat Pembinaan
22	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Ping Wah, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan.	350,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
23	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Pekaka, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan.	700,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
24	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Belatuk, Daerah Seberang Perai Selatan.	575,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
25	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Jalan Guar Perahu 2, Taman Guar Perahu, Daerah Seberang Perai Tengah.	170,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
26	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Jalan Tasek Mutiara 10, Simpang Ampat, Daerah Seberang Perai Selatan.	150,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
27	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Usaha, Daerah Seberang Perai Tengah.	500,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
28	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Kerapu, Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara.	5,700,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
29	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Impian, Daerah Seberang Perai Tengah.	2,452,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
30	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Wira, Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara.	1,340,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
31	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Lucky, Daerah Seberang Perai Utara.	930,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
32	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Taman Kota Permai, Daerah Seberang Perai Tengah.	600,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan
33	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pamaritan dan Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Jalan Kedidi, Taman Sempadan, Daerah Seberang Perai Selatan.	145,000.00	Negeri	Peringkat Pra-Pembinaan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
34	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sekitar Bayan Baru, Daerah Barat Daya.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
35	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tiram, Daerah Barat Daya.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
36	Menaik Taraf Sistem Saliran Taman Nelayan Kuala Sungai Pinang, Daerah Barat Daya.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
37	Projek Tebatan Banjir Taman Muhibbah, Lebuh Raya Batu Maung, Daerah Barat Daya.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
38	Pembinaan Rumah Pam Junjung Mati dan Menaik Taraf Pintu Air di Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
39	Projek Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Nyior, Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
40	Projek Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Lahar Endin, Daerah Seberang Perai Utara.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
41	Projek Menaik Taraf Sistem Saliran Utama Kampung Chenaam, Sungai Air Itam, Daerah Seberang Perai Selatan.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
42	Projek Menaik Taraf Sistem Saliran di Kawasan Kampung Tok Panjang, Bukit Tengah, Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
43	Projek Menaik Taraf Sistem Saliran di Kawasan Kampung Dock, Bukit Tengah, Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
44	Projek Menaik Taraf Rumah Pam di Taman Senangin dan Kerja Berkaitan, Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
45	Projek Menaik Taraf Sistem Saliran Sungai Tok Kedili, Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	Peringkat Kajian Reka Bentuk Terperinci
46	Rancangan Tebatan Banjir Mengkuang, Daerah Seberang Perai Tengah.	-	Negeri	di peringkat kajian rekabentuk terperinci

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

3. Apakah perkembangan terkini tindakan kerajaan terhadap ahli Global Ikhwan Services & Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH)?
 - (a) Berapakah premis yang terlibat dan di mana?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada premis-premis ini?
 - (c) Apakah justifikasi tindakan kerajaan kepada premis ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sentiasa komited untuk memelihara kesucian Islam dan memperkukuh pegangan umat dengan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah. Perkembangan terkini Kerajaan Negeri kepada ahli Global Ikhwan Services & Business Holding Sdn. Bhd. (GISBH) adalah seperti berikut:
 1. Mesyuarat MAINPP Bil. 3 tahun 2025 bertarikh 22 Mac 2025 telah meluluskan Cadangan Program Pemulihan Akidah, Syariah dan Akhlak kepada bekas ahli GISBH di Negeri Pulau Pinang dengan menggunakan peruntukan Tabung Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam, MAINPP berjumlah RM402,550.00. Berkaitannya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIPP) juga telah mengangkat permohonan peruntukan yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di seluruh Malaysia;

2. Sebagai langkah awal, suatu Program *Trainer of Trainers* (TOT) kepada tenaga pengajar yang akan memberi penerangan dan pengajaran berkaitan akidah dan akhlak kepada bekas ahli GISBH di Negeri Pulau Pinang telah dirancang dan diadakan pada 7 hingga 8 Mei 2025 bertempat di Kompleks Darul Hidayah yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pulau Pinang; dan
3. JHEAIPP sentiasa berkolaborasi aktif bersama agensi-agensinya berkaitan sama ada diperingkat negeri mahupun persekutuan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pelajaran dan sebagai dalam usaha untuk memulihkan akidah bekas ahli GISBH yang terpesong.
- (a) Terdapat 13 buah premis yang terlibat dengan GISBH iaitu empat (4) buah Rumah Amal dan sembilan (9) premis perniagaan. Lokasinya adalah seperti berikut:

(i) Kategori Rumah Amal:

TEMPAT	BILANGAN PREMIS
Bagan Buaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS)	1
Kubang Semang, Seberang Perai Tengah (SPT)	1
Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah (SPT)	1
Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU)	1
JUMLAH	4

(ii) Kategori Premis Perniagaan:

TEMPAT	BILANGAN PREMIS
Lebuh McNair Georgetown, Daerah Timur Laut (DTL)	1
Bayan Lepas, Pulau Pinang	1

di Bandar Perda, Seberang Perai Tengah (SPT)	3
Lahar Yooi, Seberang Perai Utara (SPU)	4
JUMLAH	9

- (b) Tindakan Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan adalah dengan menutup semua premis yang terlibat. Di samping itu, terdapat juga premis yang disita oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Kesihatan dan Jabatan Tenaga Kerja.
- (c) Justifikasi tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terhadap premis-premis yang berkaitan GISBH adalah seperti berikut:
- (i) Melanggar Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001 dan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
 - (ii) Melanggar undang-undang berkaitan kebersihan premis, kafe dan sebagainya dari Jabatan Kesihatan; dan
 - (iii) Tiada Lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

4. Apakah perkembangan terkini tindakan kerajaan terhadap anak-anak ahli Global Ikhwan Services & Business Holdings Sdn. Bhd (GISBH)?
- (a) Berapa ramaikah kanak-kanak yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan apakah perancangan kepada mereka ini?
 - (b) Bagaimanakah kerajaan memastikan pemulihan akidah dan kesejahteraan kanak-kanak ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Merujuk kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, seramai 195 anak-anak bekas ahli Global Ikhwan Services & Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) telah diselamatkan dan dihantar ke Kompleks Penyayang Sinar Kasih, Nibong Tebal, Pulau Pinang untuk perlindungan. Mulai November 2024 hingga Januari 2025, kanak-kanak telah diserahkan kembali kepada ibu bapa kandung masing-masing secara berperingkat mengikut perintah mahkamah.

Untuk makluman, lima (5) daripada kanak-kanak yang terlibat berasal dari Pulau Pinang dan berumur antara 1 tahun 6 bulan hingga 10 tahun, dan turut dikembalikan kepada ibu bapa.

Buat masa ini, kanak-kanak masih berada di bawah pengawasan Pelindung Kanak-Kanak Seberang Perai Selatan selama dua (2) tahun bermula 26 Mac 2025 hingga 25 Mac 2027. Pengawasan ini turut dikenakan bon tidak bercagar berjumlah RM100 setiap seorang, menjadikan jumlah

keseluruhan RM500 untuk lima (5) kanak-kanak, bagi tempoh pengawasan selama dua (2) tahun.

Sepanjang tempoh tersebut, ibu bapa dipertanggungjawabkan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh mahkamah dan agensi berkaitan dan mengikuti program pemulihan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa agama atau agensi yang diberi kuasa.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendekatan menyeluruh dalam memastikan pemulihan akidah dan kesejahteraan kanak-kanak yang terkesan, khususnya anak-anak bekas ahli GISBH. Melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), sebuah Program Pemulihan Akidah, Syariah dan Akhlak telah ditawarkan bagi membimbing kanak-kanak ini kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan berlandaskan amalan yang sah di sisi undang-undang Malaysia.

Dalam masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan kanak-kanak ini sentiasa terpelihara. JKM menjalankan pemantauan secara berkala terhadap keselamatan, perkembangan emosi dan kesejahteraan menyeluruh mereka. Sokongan psikososial dan sesi kaunseling turut disediakan bagi membantu proses pemulihan secara holistik.

Pendekatan dua hala ini iaitu dari aspek akidah dan kebajikan psikososial adalah bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kanak-kanak ini bukan sahaja kembali ke jalan yang benar dari sudut agama, tetapi juga dibangunkan semula dari segi emosi, akidah dan sosial mereka juga.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

5. Apakah status semasa pengambilan tanah bagi projek LRT Pulau Pinang?
- (a) Berapakah keluasan tanah yang terlibat mengikut kategori seperti tanah pertanian, kediaman dan komersial?
 - (b) Apakah pecahan pemilikan tanah tersebut antara individu, syarikat swasta dan entiti kerajaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek *Light Rail Transit* (LRT) Laluan Mutiara merupakan projek di bawah Kerajaan Persekutuan dan keseluruhan proses pengambilan tanah dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) selaku agensi pelaksana bagi urusan pengambilan tanah.

Semua urusan pengambilan tanah akan dibuat secara teratur dan adil mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk meminimumkan kesan sosial terhadap pihak berkepentingan yang terlibat.

- (a) Maklumat lot-lot yang terlibat dalam pengambilan tanah bagi projek ini adalah seperti yang diwartakan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960. Perkara tersebut telah diterbitkan dalam warta bilangan No. 459 pada 10 April 2025. Pengambilan tanah bagi projek ini hanya melibatkan tanah di bawah Kategori Bangunan.

Proses pengesahan keluasan sebenar bagi setiap kategori tanah sedang giat dilaksanakan, dengan penekanan kepada pemeliharaan kepentingan komuniti setempat dan perlindungan hak pemilik tanah. Anggaran keluasan ini akan diumumkan secara rasmi setelah proses verifikasi selesai.

- (b) Pecahan pemilikan tanah bagi struktur di atas tanah milik Kerajaan Negeri, dianggarkan terdapat sekitar 42 struktur kediaman dan lebih 120 struktur komersial dan perniagaan yang dikenal pasti sepanjang jajaran projek. Kerajaan Negeri masih dalam proses dalam memuktamadkan berkaitan bayaran pampasan, penempatan semula atau insentif lain. Pecahan pemilikan bagi tanah individu dan syarikat swasta boleh dirujuk melalui dokumen pewartaan Seksyen 8 yang telah diterbitkan dalam warta bilangan No. 459 pada 10 April 2025.

Manakala, untuk tanah milik persendirian pula, JKPTG selaku agensi pusat akan mendapatkan nilai tanah daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) untuk proses pembayaran pampasan kepada pemilik tanah atau pihak yang berkepentingan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan melalui pihak MRT Corporation (MRTC) dalam fasa merangka pelan pampasan yang komprehensif untuk memastikan semua pihak yang terkesan menerima sokongan yang mencukupi mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 yang sewajarnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Mengapakah kos pembinaan projek LRT Pulau Pinang meningkat daripada anggaran awal RM10.5 bilion kepada RM13 bilion? Apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos ini, termasuk perubahan skop projek atau cabaran teknikal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.B KETUA MENTERI**

6. Perincian peningkatan kos projek Light Rail Transit (LRT) Pulau Pinang, Laluan Mutiara adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pihak Kementerian Pengangkutan dan Mass Rapid Transit (MRT) Corporation memaklumkan bahawa kos semasa projek LRT Laluan Mutiara ini dianggarkan sekitar RM13 bilion telah disesuaikan berdasarkan skop dan reka bentuk terkini. Kos tambahan ini dimaklumkan adalah termasuk dengan reka bentuk tambahan bagi jambatan yang akan menghubungkan bahagian Pulau ke Penang Sentral merentasi Selat Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

7. Berapakah jumlah insiden yang melibatkan kecederaan dan kematian akibat tanah runtuh, bongkah batu dan pokok tumbang sejak tahun 2020 sehingga kini dan di manakah lokasi-lokasi utama kejadian tersebut?
- (a) Apakah langkah pencegahan dan pemantauan yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kejadian serupa di masa hadapan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jumlah insiden yang melibatkan kecederaan dan kematian akibat tanah runtuh, bongkah batu dan pokok tumbang sejak tahun 2020 sehingga kini dan lokasi-lokasi utama kejadian adalah seperti berikut:-

BIL.	LOKASI	TARIKH INSIDEN	JENIS KEMALANGAN
BONGKAH BATU			
1	Jalan Paya Terubong (MBPP)	04 April 2025	1 kematian (warga Bangladesh)
POKOK TUMBANG			
1	Jalan Perak (MBPP)	27.04.2021	1 kematian
2	Jalan Codrington (MBPP)	21.04.2024	1 kecederaan

BIL.	LOKASI	TARIKH INSIDEN	JENIS KEMALANGAN
3	Solok Codrington (MBPP)	21.06.2024	1 kecederaan
4	Jalan Mount Erskine (MBPP)	18.09.2024	1 kecederaan
5	Jalan Burma (MBPP)	07.09.2024	1 kecederaan
6	Sungai Dua (MBPP)	08.10.2024	1 kecederaan
7	Lebuh Gereja (MBPP)	18.09.2024	2 kematian (Warga China)
8	Batu Lanchang (MBPP)	29.01.2025	1 kecederaan
JUMLAH KESELURUHAN			10

Tiada insiden yang melibatkan kecederaan dan kematian akibat tanah runtuh di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Manakala, di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, tiada insiden yang melibatkan kecederaan dan kematian akibat tanah runtuh, bongkah batu dan pokok tumbang sejak tahun 2020 sehingga kini telah dilaporkan. Bagi kes-kes pokok tumbang, kerosakan hanya melibatkan bangunan dan kenderaan.

- (a) Kerajaan Negeri memandang serius berkaitan isu tanah runtuh, bongkah batu dan pokok tumbang. Tambahan pula, apabila terdapat kes-kes kematian yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama agensi-agensinya kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing melalui pelan tindakan yang dirangka untuk mengurangkan risiko kesan kejadian tanah runtuh, kejatuhan bongkah batu dan pokok tumbang bagi memastikan keselamatan awam dan aset awam terpelihara.

(i) PBT

Pelan tindakan yang disediakan bagi kedua-dua PBT adalah berbeza antara satu sama lain disebabkan oleh faktor-faktor kawasan lokaliti yang berbeza. Pelan

tindakan yang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 1) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
 - (a) Sejak tahun 2020, MBPP telah membuat penilaian terperinci berkenaan pereputan di bahagian pokok menggunakan alat *Resistograph*. Sebanyak 1,326 pokok telah diperiksa, dan 369 pokok telah ditebang kerana keadaannya yang tidak sihat;
 - (b) Mulai tahun 2025, MBPP telah mula menggunakan teknologi LiDAR untuk inventori dan analisis pokok di seluruh kawasan pulau, serta menggunakan teknologi satelit bagi mengesan tahap kesihatan pokok. Langkah ini dapat mengenal pasti keadaan dan kesihatan pokok lebih awal supaya tindakan mitigasi dapat diambil bagi mengurangkan kejadian pokok tumbang pada masa hadapan;
 - (c) Pihak MBPP juga telah melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap aktiviti pertanian di lot-lot tanah persendirian yang terletak di luar kawasan *Right of Way* sepanjang jajaran Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan. Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan tiada berlakunya kacau ganggu yang boleh menjejaskan keselamatan orang awam, harta benda awam, serta persekitaran;
 - (d) Pihak MBPP turut membangunkan sebuah papan pemuka (*dashboard*) yang dinamakan *Landslide Information System*, yang bertujuan merekod kejadian tanah runtuh, kajian, serta laporan siasatan tapak secara digital bagi aktiviti pembangunan dan pertanian di kawasan pentadbiran MBPP. Sistem ini masih dalam tempoh ujian dan dijangka akan digunakan sepenuhnya mulai awal Jun 2025;

- (e) Pihak MBPP juga membuat pemantauan secara berkala dan mengeluarkan notis kepada pemilik tanah supaya mengambil tindakan mitigasi untuk tanah yang berisiko tinggi; dan
- (f) Pihak MBPP turut mengambil inisiatif dengan melaksanakan penyelenggaraan berkala kawasan bercerun di bawah selenggaraan MBPP.

2) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- (a) Melaksanakan perolehan perkhidmatan penyelenggaraan pokok ameniti di seluruh kawasan pentadbiran MBSP termasuk kawasan lapang dan kawasan perindustrian;
- (b) Membuat pemantauan dan pemeriksaan pokok ameniti melalui kontraktor MARRIS di tujuh (7) Parlimen di bawah pentadbiran MBSP. Sebanyak 1,500 batang pokok terlibat dalam pemeriksaan tersebut;
- (c) Melaksanakan gotong royong secara ‘Tautan Muhibbah’ yang melibatkan semua unit dalaman Jabatan Landskap dan Jabatan Pengurusan Krisis bagi kerja-kerja pemangkasan pokok dalam usaha menyelesaikan aduan pokok berisiko/berbahaya di ketiga-tiga daerah di bawah pentadbiran MBSP;
- (d) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di jalan-jalan utama secara berkala pada setiap hujung minggu bermula pada minggu pertama bulan Oktober 2024;
- (e) Menggunakan teknologi Mobile LiDAR Scanning (MLS) dan kecerdasan buatan (AI), yang akan menghasilkan data inventori pokok yang lengkap, tepat dan boleh digunakan

untuk analisis lanjutan serta pemantauan berterusan;

- (f) Melaksanakan kerja-kerja pemantauan cerun-cerun di bawah selenggaraan MBSP secara berkala setiap empat (4) bulan; dan
- (g) Membuat penyelenggaraan berkala berdasarkan keutamaan terhadap kawasan bercerun di bawah selenggaraan MBSP.

(ii) JKR

Bagi kawasan di bawah seliaan pihak JKR, kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas cerun yang telah siap dibaiki sahaja mengikut jadual dua (2) kitaran dalam tempoh lima (5) tahun (*2 cycle / 5 year*).

(iii) JMG

Pihak JMG Kedah /Perlis / Pulau Pinang turut mengambil tanggungjawab dalam menjalankan pemantauan cerun kritikal secara berkala setiap tahun di seluruh Negeri Pulau Pinang khususnya yang melibatkan kawasan *hotspot* untuk mengurangkan risiko kejadian berulang semula.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

8. Apakah justifikasi penubuhan Sekolah Islam Antarabangsa Al Mashoor oleh MAINPP dan bagaimanakah ia menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam di Pulau Pinang?
 - (a) Apakah sasaran enrolmen pelajar dan kurikulum yang ditawarkan oleh sekolah ini, serta bagaimanakah ia berbeza daripada institusi pendidikan Islam sedia ada?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Islam Bil 1/2024 yang diadakan pada 8 Mac 2024 telah bersetuju bahawa Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) akan melaksanakan sebuah sekolah Islam Antarabangsa dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dengan menjadikan bangunan SMKA Al Mashoor (P) sebagai bangunan sekolah berdasarkan justifikasi yang berikut:
 1. Terdapat lebih 11 sekolah Antarabangsa di negeri Pulau Pinang namun tiada daripadanya berintegrasikan Pendidikan Islam;
 2. Memenuhi keperluan semasa dalam pemeraksanaan pembangunan Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang selari Agenda Pembangunan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (APAI) 2030;
 3. Sekolah ini akan menjadi mercu tanda pendidikan Islam bertaraf antarabangsa pertama di wilayah utara Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang;

4. Pelajar akan mengikuti silibus peperiksaan antarabangsa menggunakan pensijilan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE);
5. Sukatan tambahan pelajaran agama berdasarkan piawaian antarabangsa; dan
6. Melahirkan para pelajar berlatar belakang agama yang mempunyai kelayakan akademi dengan pengiktirafan antarabangsa.
 - (a) Sasaran enrolmen pelajar bagi sekolah ini adalah seramai 300 orang pelajar. Selain itu, kurikulum yang akan digunakan adalah IGCSE dan IHES (Integrated Holistic Education System) yang telah diimplimentasi di beberapa buah negara seperti di United Kingdom, Brunei, Jepun dan sebagainya. Di samping itu, sistem ini juga merupakan sistem yang penting untuk melengkapkan sistem pendidikan pensijilan antarabangsa. Hal ini kerana, sistem ini hanya digunakan di sekolah-sekolah antarabangsa dan bersesuaian dengan silibus akademi bagi sektor tersebut. Misalnya, kata pengantar dan buku-buku rujukan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Perincikan agihan zakat oleh MAINPP bagi Program *Back to School* dan bantuan bulan Ramadan mengikut DUN tahun lepas dan tahun ini.
- (a) Berapakah jumlah penerima dan nilai agihan zakat bagi setiap program tersebut?
- (b) Bagaimanakah mekanisme pemilihan penerima serta pemantauan keberkesanan agihan dilakukan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Perincian agihan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi Program *Back to School* dan Program Nur Ramadan mengikut DUN bagi dari tahun 2024 hingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah penerima dan nilai agihan zakat bagi setiap program tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Program *Back to School*:

2024		2025	
BILANGAN PENERIMA	AMAUN (RM)	BILANGAN PENERIMA	AMAUN (RM)
18,158	5,617,643.61	20,317	5,654,178.38

(ii) Program Nur Ramadan:

2024		2025	
BILANGAN PENERIMA	AMAUN (RM)	BILANGAN PENERIMA	AMAUN m(RM)
18,413	6,735,006.17	17,510	6,921,785.55

(b) Mekanisme pemilihan penerima dan pemantauan keberkesanan agihan yang dilaksanakan oleh Zakat MAINPP adalah seperti berikut:

- (i) Bagi Program *Back to School* di Pulau Pinang, pada tahun 2024 data penerima diperoleh melalui Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen, Penyelaras Dewan Udangan Negeri (DUN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) menerusi sistem pendaftaran yang dibangunkan Zakat MAINPP. Manakala data penerima agihan bagi tahun 2025 pula diperoleh melalui pendaftaran oleh pihak sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Bagi Program Nur Ramadan, data penerima agihan pada tahun 2024 diperoleh melalui Pusat Khidmat ADUN, Ahli Parlimen, Penyelaras DUN dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Manakala data penerima agihan pada tahun 2025 pula disalurkan oleh ahli jawatankuasa kariah masjid dan penerima agihan yang terdapat di dalam Sistem Maklumat Zakat (SMZ), Zakat MAINPP. Setelah nama penerima yang disalurkan oleh kariah masjid disemak dan diproses, pihak Zakat MAINPP akan memaklumkan semula kepada pihak kariah masjid nama penerima yang telah mendapat kelulusan; dan

- (iii) Pelaksanaan agihan Program *Back to School* dan Program Nur Ramadan dilaksanakan secara e-Tunai dan penebusan menggunakan kad pengenalan penerima. Hal ini penting kerana pihak Zakat MAINPP secara tidak langsung dapat memantau dan menganalisa keberkesanan program yang dilaksanakan berikutan setiap barangan yang dibeli oleh penerima akan direkodkan di dalam sistem.

LAMPIRAN A

1) Perincian Agihan Program *Back to School*:

Tahun 2024

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N01	PENAGA	260	195,000.00
N02	BERTAM	121	94,450.00
N03	PINANG TUNGGAL	274	208,050.00
N04	PERMATANG BERANGAN	288	216,000.00
N05	SUNGAI DUA	191	142,400.00
N06	TELOK AYER TAWAR	109	80,200.00
N07	SUNGAI PUYU	31	25,200.00
N08	BAGAN JERMAL	82	60,700.00
N09	BAGAN DALAM	46	34,400.00
N10	SEBERANG JAYA	268	200,600.00
N11	PERMATANG PASIR	207	159,900.00
N12	PENANTI	214	165,350.00
N13	BERAPIT	0	-
N14	MACHANG BUBOK	243	182,350.00
N15	PADANG LALANG	55	38,950.00
N16	PERAI	20	13,700.00

Tahun 2025

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N01	PENAGA	999	306,679.71
N02	BERTAM	972	240,851.95
N03	PINANG TUNGGAL	1,534	385,309.88
N04	PERMATANG BERANGAN	944	326,972.25
N05	SUNGAI DUA	654	223,563.30
N06	TELOK AYER TAWAR	611	163,764.84
N07	SUNGAI PUYU	133	42,099.55
N08	BAGAN JERMAL	392	119,155.80
N09	BAGAN DALAM	324	80,468.65
N10	SEBERANG JAYA	1,173	351,198.25
N11	PERMATANG PASIR	720	242,653.55
N12	PENANTI	1,024	298,194.10
N13	BERAPIT	159	23,720.90
N14	MACHANG BUBOK	1,047	313,760.45
N15	PADANG LALANG	297	76,377.45
N16	PERAI	181	44,269.90

LAMPIRAN A

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N17	BUKIT TENGAH	132	97,400.00
N18	BUKIT TAMBUN	74	56,100.00
N19	JAWI	113	87,500.00
N20	SUNGAI BAKAP	203	157,100.00
N21	SUNGAI ACHEH	117	86,050.00
N22	TANJONG BUNGA	34	22,600.00
N23	AIR PUTIH	40	27,850.00
N24	KEBUN BUNGA	0	-
N25	PULAU TIKUS	5	4,050.00
N26	PADANG KOTA	4	2,700.00
N27	PENKALAN KOTA	3	1,900.00
N28	KOMTAR	27	23,000.00
N29	DATOK KERAMAT	39	31,350.00
N30	SUNGAI PINANG	74	59,150.00
N31	BATU LANCANG	0	-
N32	SERI DELIMA	41	31,000.00
N33	AIR ITAM	33	26,400.00
N34	PAYA TERUBONG	1	500.00
N35	BATU UBAN	49	40,650.00
N36	PANTAI JEREJAK	38	29,400.00
N37	BATU MAUNG	103	83,500.00

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N17	BUKIT TENGAH	421	135,063.90
N18	BUKIT TAMBUN	469	122,463.80
N19	JAWI	607	164,593.65
N20	SUNGAI BAKAP	1,090	296,989.25
N21	SUNGAI ACHEH	810	184,539.90
N22	TANJONG BUNGA	268	63,185.45
N23	AIR PUTIH	35	23,600.00
N24	KEBUN BUNGA	79	16,324.90
N25	PULAU TIKUS	471	82,098.30
N26	PADANG KOTA	261	48,077.95
N27	PENKALAN KOTA	3	2,500.00
N28	KOMTAR	91	34,485.90
N29	DATOK KERAMAT	286	73,543.10
N30	SUNGAI PINANG	154	74,117.45
N31	BATU LANCANG	258	44,771.30
N32	SERI DELIMA	162	45,798.50
N33	AIR ITAM	365	81,221.10
N34	PAYA TERUBONG	73	12,042.30
N35	BATU UBAN	327	81,690.95
N36	PANTAI JEREJAK	357	83,289.05
N37	BATU MAUNG	474	130,701.70

LAMPIRAN A

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N38	BAYAN LEPAS	208	162,150.00
N39	PULAU BETONG	95	71,900.00
N40	TELOK BAHANG	108	84,500.00
ZZ	LUAR PULAU PINANG	2	1,100.00
*	SEKOLAH DI DAERAH BARAT DAYA	2,091	372,942.21
*	SEKOLAH DI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	1,815	335,299.25
*	SEKOLAH DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	3,372	612,485.75
*	SEKOLAH DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	4,792	881,585.20
*	SEKOLAH DI DAERAH TIMUR LAUT	2,136	410,231.20
JUMLAH KESELURUHAN		18,158	5,617,643.61

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N38	BAYAN LEPAS	874	285,910.75
N39	PULAU BETONG	839	202,141.35
N40	TELOK BAHANG	378	125,437.30
ZZ	LUAR PULAU PINANG	1	550.00
JUMLAH KESELURUHAN		20,317	5,654,178.38

LAMPIRAN A

2) Perincian Agihan Program Nur Ramadan:

Tahun 2024

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N01	PENAGA	1,160	483,613.95
N02	BERTAM	548	201,247.35
N03	PINANG TUNGGAL	942	349,226.95
N04	PERMATANG BERANGAN	1,172	478,976.60
N05	SUNGAI DUA	661	289,754.50
N06	TELOK AYER TAWAR	624	216,842.00
N07	SUNGAI PUYU	302	78,471.10
N08	BAGAN JERMAL	508	155,620.34
N09	BAGAN DALAM	365	121,190.10
N10	SEBERANG JAYA	962	378,877.29
N11	PERMATANG PASIR	945	346,251.65
N12	PENANTI	779	300,654.30
N13	BERAPIT	2	200.00
N14	MACHANG BUBOK	793	293,489.50

Tahun 2025

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N01	PENAGA	1,239	513,762.00
N02	BERTAM	495	201,370.55
N03	PINANG TUNGGAL	871	347,288.60
N04	PERMATANG BERANGAN	1,194	496,722.20
N05	SUNGAI DUA	704	308,434.80
N06	TELOK AYER TAWAR	595	216,776.40
N07	SUNGAI PUYU	274	74,540.20
N08	BAGAN JERMAL	497	159,803.35
N09	BAGAN DALAM	259	108,464.35
N10	SEBERANG JAYA	930	392,505.10
N11	PERMATANG PASIR	930	369,123.90
N12	PENANTI	802	316,243.50
N13	BERAPIT	0	-
N14	MACHANG BUBOK	818	333,182.01

LAMPIRAN A

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)	KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N15	PADANG LALANG	235	77,560.05	N15	PADANG LALANG	199	79,644.55
N16	PERAI	114	39,297.00	N16	PERAI	100	42,594.70
N17	BUKIT TENGAH	519	211,328.35	N17	BUKIT TENGAH	531	219,431.60
N18	BUKIT TAMBUN	310	104,964.50	N18	BUKIT TAMBUN	230	97,112.85
N19	JAWI	519	175,558.40	N19	JAWI	437	174,062.90
N20	SUNGAI BAKAP	688	266,364.40	N20	SUNGAI BAKAP	678	262,942.60
N21	SUNGAI ACHEH	493	224,387.25	N21	SUNGAI ACHEH	594	248,761.10
N22	TANJONG BUNGA	374	116,477.90	N22	TANJONG BUNGA	290	118,859.75
N23	AIR PUTIH	335	88,247.45	N23	AIR PUTIH	247	77,566.00
N25	PULAU TIKUS	41	14,188.85	N25	PULAU TIKUS	44	15,854.40
N26	PADANG KOTA	103	30,989.35	N26	PADANG KOTA	72	24,582.35
N27	PENKALAN KOTA	28	7,900.00	N27	PENKALAN KOTA	13	6,100.00
N28	KOMTAR	280	72,714.75	N28	KOMTAR	208	66,811.15
N29	DATOK KERAMAT	329	102,035.80	N29	DATOK KERAMAT	320	106,825.25
N30	SUNGAI PINANG	779	281,906.55	N30	SUNGAI PINANG	787	290,967.90
N32	SERI DELIMA	322	108,369.15	N32	SERI DELIMA	221	94,874.70
N33	AIR ITAM	323	90,988.10	N33	AIR ITAM	279	87,365.25
N34	PAYA TERUBONG	15	3,877.45	N34	PAYA TERUBONG	18	5,295.40
N35	BATU UBAN	256	90,872.15	N35	BATU UBAN	263	100,348.50
N36	PANTAI JEREJAK	200	71,274.95	N36	PANTAI JEREJAK	202	85,837.30

LAMPIRAN A

KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)	KOD DUN	DUN	BILANGAN	AMAUN (RM)
N37	BATU MAUNG	376	132,520.25	N37	BATU MAUNG	356	131,907.70
N38	BAYAN LEPAS	763	252,768.35	N38	BAYAN LEPAS	672	253,097.45
N39	PULAU BETONG	609	212,880.45	N39	PULAU BETONG	555	229,009.60
N40	TELOK BAHANG	617	237,999.85	N40	TELOK BAHANG	576	243,984.25
ZZ	LUAR PULAU PINANG	22	25,119.24	ZZ	LUAR PULAU PINANG	10	19,731.34
JUMLAH KESELURUHAN		18,413	6,735,006.17	JUMLAH KESELURUHAN		17,510	6,921,785.55

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

10. Senaraikan pecahan kutipan zakat di Pulau Pinang mengikut kategori seperti zakat pendapatan, perniagaan dan fitrah dari tahun 2020 hingga 2024.
- (a) Senaraikan bilangan pembayar zakat mengikut pecahan kategori bagi tahun sama.
 - (b) Apakah strategi yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk meningkatkan kutipan zakat, terutamanya dalam kategori yang mencatatkan penurunan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pecahan kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang mengikut Kategori Zakat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Perincian bilangan pembayar zakat mengikut pecahan kategori bagi tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Berdasarkan data pada tahun 2024, terdapat beberapa jenis zakat menunjukkan penurunan jumlah kutipan iaitu Zakat Wang Simpanan, Zakat KWSP, Zakat Tanaman, Zakat Perak dan Ternakan.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dan strategi telah dilaksanakan bagi memberikan pendedahan dan kesedaran

kepada masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- (i) Mengadakan siri jelajah gempur majikan di seluruh agensi kerajaan dan swasta di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Mengadakan kunjungan dan perbincangan kepada majikan-majikan yang mempunyai jumlah pekerja muslim yang ramai;
- (iii) Mengadakan program dakwah melalui institusi masjid seperti:
 - (a) Ceramah Perdana;
 - (b) Khutbah;
 - (c) Forum; dan
 - (d) Taklimat.
- (iv) Melaksanakan promosi kesedaran berzakat melalui platform atas talian Zakat MAINPP; dan
- (v) Menyediakan pelbagai kemudahan platform bayaran zakat kepada pembayar.

LAMPIRAN A**JADUAL 1 : Jumlah keseluruhan kutipan zakat dan lain-lain
dari 1 Januari hingga 31 Disember 2020**

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Pendapatan	81,457,113.59
Perniagaan	24,158,406.36
Wang Simpanan	11,778,215.15
Saham	823,315.01
KWSP	2,525,654.57
Emas	1,182,295.03
Perak	4,727.76
Qadha	272,823.60
Harta	2,653,600.20
Tanaman	440,989.99
Ternakan	11,800.00
Fitrah	5,560,586.81
Jumlah Keseluruhan	130,869,528.07

**JADUAL 2 : Jumlah keseluruhan kutipan zakat dan lain-lain
dari 1 Januari hingga 31 Disember 2021**

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Pendapatan	90,336,373.22
Perniagaan	25,497,847.69
Wang Simpanan	14,169,779.29
Saham	1,074,912.82
KWSP	4,287,150.95
Emas	1,582,875.99
Perak	3,052.34
Qadha	413,342.28
Harta	3,426,906.39
Tanaman	433,909.83
Ternakan	11,300.00
Fitrah	6,027,987.19
Jumlah Keseluruhan	147,265,437.99

**JADUAL 3 : Jumlah keseluruhan kutipan zakat dan lain-lain
dari 1 Januari hingga 31 Disember 2022**

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Pendapatan	89,130,166.74
Perniagaan	26,285,284.92
Wang Simpanan	16,698,905.13
Saham	849,179.11
KWSP	4,867,048.98
Emas	1,552,128.64
Perak	11,804.56
Qadha	445,490.51
Harta	3,272,726.24
Tanaman	431,036.81
Ternakan	1,657.00
Fitrah	6,580,382.97
Jumlah Keseluruhan	150,125,811.61

**JADUAL 4 : Jumlah keseluruhan kutipan zakat dan lain-lain
dari 1 Januari hingga 31 Disember 2023**

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Pendapatan	96,010,273.98
Perniagaan	30,141,553.23
Wang Simpanan	16,308,476.83
Saham	1,055,187.08
KWSP	3,204,556.88
Emas	1,766,016.37
Perak	8,937.00
Qadha	287,077.84
Harta	3,437,657.07
Tanaman	359,601.11
Ternakan	500
Fitrah	6,835,390.00
Jumlah Keseluruhan	159,415,227.39

**JADUAL 5 : Jumlah keseluruhan kutipan zakat dan lain-lain
dari 1 Januari hingga 31 Disember 2024**

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Pendapatan	106,782,800.92
Perniagaan	32,080,663.72
Wang Simpanan	15,986,438.80
Saham	1,249,052.74
KWSP	3,026,362.89
Emas	1,934,735.07
Perak	7,184.34
Qadha	546,875.63
Harta	3,600,636.90
Tanaman	332,890.31
Ternakan	5
Fitrah	7,336,437.00
Jumlah Keseluruhan	172,884,083.32

LAMPIRAN B**Jadual 1 : Pembayar Zakat Mengikut Pecahan Kategori Bagi Tahun 2020**

JENIS ZAKAT	PEMBAYAR
Pendapatan	62,580
Perniagaan	2,487
Wang Simpanan	5,495
Saham	545
KWSP	1,574
Emas	996
Perak	21
Qadha	301
Harta	557
Tanaman	493
Ternakan	3
Fitrah	756,948
Jumlah Keseluruhan	832,000

Jadual 2 : Pembayar Zakat Mengikut Pecahan Kategori Bagi Tahun 2021

JENIS ZAKAT	PEMBAYAR
Pendapatan	63,780
Perniagaan	2,888
Wang Simpanan	6,661
Saham	674
KWSP	4,577
Emas	1,224
Perak	18
Qadha	317
Harta	671
Tanaman	521
Ternakan	5
Fitrah	775,422
Jumlah Keseluruhan	856,758

Jadual 3 : Pembayar Zakat Mengikut Pecahan Kategori Bagi Tahun 2022

JENIS ZAKAT	PEMBAYAR
Pendapatan	63,414
Perniagaan	2,514
Wang Simpanan	7,086
Saham	559
KWSP	6,474
Emas	1,109
Perak	24
Qadha	307
Harta	767
Tanaman	530
Ternakan	3
Fitrah	808,589
Jumlah Keseluruhan	891,376

Jadual 4 : Pembayar Zakat Mengikut Pecahan Kategori Bagi Tahun 2023

JENIS ZAKAT	PEMBAYAR
Pendapatan	64,472
Perniagaan	2,676
Wang Simpanan	6,890
Saham	558
KWSP	1,500
Emas	1,144
Perak	18
Qadha	286
Harta	718
Tanaman	460
Ternakan	1
Fitrah	829,304
Jumlah Keseluruhan	908,027

Jadual 4 : Pembayar Zakat Mengikut Pecahan Kategori bagi tahun 2024

JENIS ZAKAT	PEMBAYAR
Pendapatan	64,144
Perniagaan	2,817
Wang Simpanan	6,572
Saham	615
KWSP	1,776
Emas	1,076
Perak	20
Qadha	333
Harta	739
Tanaman	415
Ternakan	1
Fitrah	836,831
Jumlah Keseluruhan	915,339

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

11. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program perpaduan masyarakat yang dijalankan sepanjang tahun 2024?
- (a) Berapakah bilangan program perpaduan yang melibatkan penyertaan merentas kaum?
 - (b) Apakah indikator kejayaan yang digunakan bagi menilai impak program tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menilai keberkesanan program perpaduan masyarakat sepanjang tahun 2024 melalui beberapa pendekatan strategik yang melibatkan pemantauan berterusan, penglibatan komuniti, dan kerjasama antara agensi kerajaan antaranya seperti berikut:-
- (i) Agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam memantau pelaksanaan program perpaduan. Contohnya, dalam program Gerak Rahmah 2024, yang melibatkan penyediaan 10,000 pek bubur lambuk secara serentak di 190 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negeri, JPNIN menilai keberkesanan program melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti gotong-royong dan interaksi antara pelbagai kaum;

- (ii) Kerajaan Negeri mengadakan sesi dialog seperti Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024, yang bertujuan untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di samping memberi penekanan terhadap budaya saling hormat menghormati terhadap kepelbagaian budaya dan agama dalam masyarakat Malaysia yang berbilang etnik;
- (iii) Kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara melalui platform seperti MexUnity yang merupakan mesyuarat antara Menteri Perpaduan Negara dan Exco-Exco Perpaduan Negeri dengan membincangkan pelaksanaan program perpaduan dan memastikan keberkesannya melalui kerjasama antara kerajaan negeri dan pusat;
- (iv) Penyertaan dan maklum balas komuniti melalui penyertaan aktif komuniti dalam pelbagai aktiviti sukan. Misalnya, Karnival Liga Sukan Uniti Peringkat Kebangsaan 2024 yang mendapat sambutan memberangsangkan dengan penyertaan hampir 23,000 peserta membabitkan 2,300 pasukan di seluruh negara;
- (v) Kerajaan Negeri juga menilai keberkesanan program melalui pencapaian dan impak yang dihasilkan. Sebagai contoh, dalam Program Gerak Rahmah 2024, selain daripada aktiviti memasak bubur lambuk, turut dijalankan ialah Program Tadarus Al-Quran, pemberian Bakul Rahmah, jualan daripada KRT dan pemberian pakaian percuma kepada pengunjung yang hadir. Hal ini menunjukkan keberkesanan program dalam memperkukuh perpaduan antara kaum dalam komuniti.
- (a) Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang telah menganjurkan beberapa program perpaduan yang melibatkan penyertaan merentas kaum antaranya seperti berikut:-
 - (i) Program Gerak Rahmah 2024: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan pada 23 Mac 2024 bertempat di 190 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pulau Pinang dengan objektif iaitu memupuk perpaduan antara kaum melalui aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk secara serentak. Program ini turut melibatkan aktiviti tadarus Al-Quran, pemberian Bakul Rahmah, jualan

produk ekonomi daripada KRT, dan pemberian pakaian percuma kepada pengunjung.

- (ii) Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024 pada 9 Mac 2024 bertempat di Dewan Millennium, Kepala Batas Pulau Pinang dengan tema "Nilai-Nilai Murni Pemangkin Perpaduan dan Keharmonian Masyarakat" dan objektifnya adalah memperkuat semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, menangani isu-isu berkaitan keharmonian antara penganut agama, meningkatkan toleransi, dan mengukuhkan pemahaman. Program ini memberi penekanan terhadap budaya saling hormat menghormati terhadap kepelbagaian budaya dan agama masyarakat Malaysia yang berbilang etnik.
- (iii) Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024 pada 11 Mei – 14 Mei 2024 bertempat di Dewan Millennium, Kepala Batas, Pulau Pinang dengan objektif untuk memperkukuh perpaduan nasional melalui pemahaman, penghargaan, dan penerimaan terhadap kepelbagaian budaya dan etnik di Malaysia.

Selain itu, JPNIN Pulau Pinang juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kelab seperti Kelab Rukun Negara di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, program bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan organisasi lain yang melibatkan penyertaan merentas kaum. Misalnya, setiap hujung minggu JPNIN daerah Seberang Perai Selatan (SPU) mengadakan bengkel atau kursus bagi meningkatkan kualiti dan mutu kerja warganya yang turut melibatkan guru-guru Prasekolah, Kemas, dan guru-guru Tabika Perpaduan dari daerah lain di seluruh Pulau Pinang.

- (b) Antara indikator kejayaan yang digunakan bagi menilai impak program Program Perpaduan 2024 adalah seperti berikut:-
 - (i) Peningkatan Penyertaan Komuniti dalam Aktiviti KRT seperti:
 - (a) 80% komuniti KRT menggunakan platform Sistem Maklumat Perpaduan V2 (SISMAP) untuk

- penyampaian maklumat secara cepat dan pantas antara pengurusan KRT dengan komuniti;
- (b) 20% SRS (Sukarelawan Rukun Tetangga) terlibat dalam program kajian tahap rasa selamat ini untuk meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti;
 - (c) 6 projek ekonomi KRT dilaksanakan di Pulau Pinang untuk menjana pendapatan komuniti dan memberi peluang pekerjaan.
- (ii) Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Komuniti seperti:-
- (a) 66 program Bengkel Kemahiran Literasi Digital diadakan, dengan sasaran 70% peserta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam ICT digital;
 - (b) Bengkel Pemerksaan Jiran Wanita dan Warga Emas berkala diadakan untuk meningkatkan pengetahuan Jiran Wanita dan Warga Emas berkaitan penuaan yang produktif.
- (iii) Peningkatan Semangat Perpaduan dan Keharmonian:-
- (a) 30% KRT aktif terlibat dalam aktiviti Kenali Budaya dan Sayangi Warisan untuk meningkatkan semangat jati diri dan kenegaraan;
 - (b) 30% KRT aktif terlibat dalam Sukan Perpaduan / Unity Games untuk meningkatkan semangat kejiranan dalam komuniti.
- (iv) Kajian Keberkesanan Program :-
- (a) 30% peningkatan Kajian Keberkesanan Program Gerak Padu selepas program dijalankan;
 - (b) Pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) Ke-3 untuk mengukur tahap perpaduan nasional di Malaysia.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

12. Apakah peranan sebenar Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam memperkukuh hubungan antara komuniti berbilang kaum di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah bilangan KRT aktif mengikut daerah di negeri ini?
 - (b) Apakah bentuk sokongan kewangan dan latihan yang disediakan kepada KRT?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memainkan peranan yang cukup penting untuk membantu kerajaan dalam meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti yang berbilang kaum di seluruh negara. Seajar dengan itu peranan KRT sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi amatlah penting dalam mengukuhkan hubungan antara komuniti berbilang kaum khususnya di Negeri Pulau Pinang. Antara kaedah yang dilaksanakan di negeri ini adalah seperti berikut:-
- (i) Memupuk perpaduan dan toleransi antara kaum dengan aktiviti kejiwaan bersama iaitu KRT menganjurkan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, perayaan dan program sosial yang melibatkan penduduk dari pelbagai latar belakang kaum dan agama. Hal ini memberi peluang kepada semua penduduk untuk berinteraksi dan memahami budaya serta tradisi antara satu sama lain;

- (ii) Mewujudkan keamanan dan keselamatan penduduk dengan KRT menggerakkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang melibatkan penduduk dari pelbagai kaum untuk menjaga keselamatan kawasan setempat. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan keselamatan namun juga membina rasa kepercayaan dan kerjasama antara jiran yang berbilang kaum. Di samping itu, KRT juga boleh berfungsi sebagai penghubung antara komuniti dan pihak berkuasa tempatan serta polis dalam menyelesaikan isu-isu keselamatan. Kehadiran KRT memudahkan komunikasi dan tindakan bersama dalam menangani masalah jenayah atau ancaman keselamatan;
- (iii) Penglibatan dalam program pembangunan komuniti seperti KRT menjalankan program-program pendidikan mengenai pentingnya perpaduan dan keharmonian antara kaum dan program/aktiviti sosial serta khidmat masyarakat. Program ini membantu masyarakat memahami kepentingan saling menghormati budaya, kepercayaan, dan identiti kaum lain di samping membantu golongan yang memerlukan, menyediakan bantuan kecemasan, dan menyelesaikan pertikaian antara jiran;
- (iv) Menyediakan platform dialog dan penyelesaian konflik seperti menganjurkan forum dan dialog antara kaum bagi membincangkan isu-isu perpaduan, kebajikan, dan isu sosial lainnya. Hal ini memberi ruang kepada komuniti untuk berkongsi pandangan dan mencari penyelesaian bersama;
- (v) Menggalakkan penyertaan aktif komuniti dalam program pembangunan sosial, seperti latihan kemahiran, aktiviti belia dan program kesihatan serta keterlibatan semua kaum dalam pengurusan KRT bagi memastikan penglibatan wakil dari setiap kaum dalam pengurusan dan pelaksanaan program. Hal ini juga memberi peluang kepada semua kaum dalam merancang dan mengorganisasi aktiviti yang memberi manfaat kepada seluruh komuniti;
- (vi) Menghargai kepelbagaian budaya dan agama seperti memupuk sifat saling menghormati dan bertoleransi terhadap kepercayaan agama, adat dan budaya yang berbeza melalui aktiviti kebudayaan dan perayaan bersama, masyarakat dapat

memahami dan menghargai kepelbagaian ini, yang sangat penting dalam memperkukuh perpaduan; dan

- (vii) Menyediakan sokongan kepada golongan rentan seperti menyediakan bantuan kepada keluarga kurang mampu seperti ibu tunggal, warga emas, dan keluarga miskin, tanpa mengira latar belakang kaum.
- (a) Bilangan KRT aktif mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN KRT
Barat Daya	36
Timur Laut	111
Seberang Perai Utara	113
Seberang Perai Tengah	149
Seberang Perai Selatan	81
JUMLAH	490

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang menyediakan beberapa bentuk sokongan kewangan dan latihan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk memastikan mereka dapat menjalankan fungsi dan program dengan berkesan dalam memperkukuhkan perpaduan masyarakat. Berikut adalah beberapa bentuk sokongan yang disediakan kepada KRT:-
 - (i) Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan memberikan peruntukan tahunan sebanyak RM6,000.00 setahun kepada KRT yang aktif bagi menjalankan aktiviti dan program-program perpaduan, seperti gotong-royong, sambutan perayaan dan aktiviti kemasyarakatan. Peruntukan ini bertujuan untuk menyokong KRT dalam melaksanakan tugas mereka di peringkat akar umbi;
 - (ii) KRT Progresif iaitu terbuka kepada semua KRT di Pulau Pinang yang mempunyai Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Projek Ekonomi akan dimasukkan ke dalam calon saringan bagi pemilihan KRT Progresif yang mana peruntukan tambahan hingga RM50,000.00 akan diberikan kepada KRT sedia ada yang berjaya;

- (iii) Latihan pembangunan kepimpinan dan pengurusan KRT iaitu dengan menyediakan latihan dan kursus kepimpinan untuk pengurusan KRT, termasuk program seperti Pengurusan Organisasi KRT, Kemahiran Berkomunikasi, dan Perancangan Program. Hal ini membantu memantapkan kepimpinan KRT dan memastikan keberkesanan dalam menjalankan program komuniti. Di samping itu, latihan ini juga melibatkan teknik pengurusan kewangan, memimpin aktiviti dan menguruskan konflik dalam komuniti;
- (iv) Menyediakan kursus dan seminar mengenai pembangunan komuniti, perpaduan antara kaum dan aktiviti kemasyarakatan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli KRT dalam merancang dan melaksanakan aktiviti sosial yang dapat melibatkan semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang kaum atau agama;
- (v) Menyediakan program latihan keselamatan dan pengurusan krisis. Program latihan ini melibatkan kursus dalam keamanan komuniti, pengurusan bencana, dan keselamatan awam bertujuan untuk meningkatkan kemampuan KRT dalam menangani masalah keselamatan dan bencana di kawasan KRT;
- (vi) Menyediakan program latihan yang memberi fokus kepada penggunaan teknologi dalam pengurusan KRT, seperti penggunaan sistem digital untuk menyelaraskan program, menyimpan data, dan berkomunikasi dengan komuniti. Latihan ini membantu KRT meningkatkan keberkesanan program melalui alat digital dan media sosial;
- (vii) Kerjasama dengan agensi dan organisasi lain seperti Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia, dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan serta organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi mendapatkan latihan atau sumber daya tambahan dalam melaksanakan program kesedaran dan pembinaan kapasiti di kalangan penduduk setempat; dan
- (viii) Sentiasa mendapat sokongan dalam bentuk bimbingan daripada pegawai perpaduan daerah dan pembimbing

yang menyediakan nasihat tentang cara terbaik untuk mengendalikan program-program komuniti dan isu-isu perpaduan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

13. Apakah peranan Pulau Pinang sebagai tuan rumah bagi Sambutan Hari Perpaduan 2025 dan bagaimanakah acara ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat negeri ini?
- (a) Apakah bentuk pengisian utama yang dirancang sepanjang sambutan tersebut?
- (b) Bagaimanakah penyertaan masyarakat pelbagai kaum dan agama akan digalakkan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Pulau Pinang telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025, keputusan ini telah diumumkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, dalam mesyuarat bersama EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity). Tujuan sambutan ini diadakan adalah untuk memupuk perpaduan dan integrasi melalui pendekatan yang terpilih dan cekap sehingga ke peringkat akar umbi, dengan matlamat mengukuhkan hubungan masyarakat dan memelihara ekosistem perpaduan di negara ini. Program SMP 2025 dijangka akan berlangsung pada bulan Julai 2025 di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang.

Di samping itu, Pulau Pinang sebagai tuan rumah akan memainkan peranan penting seperti yang pertama menjadi contoh model perpaduan di Utara Malaysia. Hal ini kerana Negeri Pulau Pinang dikenali sebagai negeri yang berjaya mengamalkan semangat muhibah dan keharmonian antara pelbagai kaum dan agama serta

memperlihatkan komitmen negeri dalam memupuk perpaduan nasional. Kedua, menggerakkan program di peringkat akar umbi dengan melibatkan masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memperkukuh semangat kejiranan dan saling memahami antara satu sama lain.

Ketiga, menyediakan platform dialog dan kerjasama melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perpaduan Malaysia (MexUnity). Hal ini memberi peluang kepada kerajaan negeri dan pusat untuk saling bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan usaha-usaha ke arah penyatupaduan rakyat melalui program-program berteraskan perpaduan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Berkaitannya, rakyat Negeri Pulau Pinang akan menerima manfaat melalui aktiviti/ acara yang diadakan sepanjang Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 seperti berikut:

- (i) Penyertaan aktif dalam aktiviti komuniti yang dianjurkan. Hal ini akan memberi peluang kepada rakyat untuk terlibat secara langsung dalam usaha memupuk perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat;
 - (ii) Peningkatan kesedaran dan pemahaman antara kaum dengan penglibatan dalam dialog dan interaksi. Hal ini dapat meningkatkan pemahaman dan menghargai kepelbagaian budaya dan agama yang wujud di negeri ini;
 - (iii) Pengukuhan jaringan sosial dan komuniti akan memperkukuh hubungan antara individu dan komuniti, seterusnya membina masyarakat yang lebih harmoni dan bersatu padu; dan
 - (iv) Penjanaan projek ekonomi melalui penjualan produk-produk keluaran KRT, *foodtruck* dan sebagainya.
- (a) Sambutan Minggu Perpaduan 2025 ialah salah satu program utama yang dirancang di bawah kluster Semarak Perpaduan dengan matlamat untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Pengisian utama program adalah berbentuk kenegaraan, kebudayaan, kesenian dan warisan melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat “inter” dan

“intra” etnik dengan penuh berhemah. Justeru ianya dapat menggalakkan persefahaman, toleransi, hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

- (b) Untuk memastikan penyertaan masyarakat pelbagai kaum dan agama dalam Sambutan Minggu Perpaduan 2025, beberapa langkah strategik akan diambil untuk menggalakkan keterlibatan semua lapisan masyarakat. Berikut adalah beberapa pendekatan yang dirancang:
- (i) Aktiviti yang melibatkan semua kaum dan agama seperti pameran budaya, forum, dan seni persembahan merangkumi kepelbagaian budaya dan agama;
 - (ii) Pertandingan sukan dan aktiviti rekreasi yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum, dengan tujuan untuk menggalakkan semangat bekerjasama dan bertoleransi tanpa mengira lapisan umur dan latar belakang;
 - (iii) Program pendidikan yang menyentuh topik perpaduan, toleransi, dan saling menghormati akan digerakkan di sekolah, universiti, dan komuniti yang akan melibatkan pelajar dan masyarakat daripada semua latar belakang;
 - (iv) Sesi dialog antara pemimpin komuniti, agama, dan kaum yang melibatkan orang ramai dianjurkan untuk menggalakkan pertukaran pandangan, memahami nilai dan amalan budaya yang berbeza, serta memperkukuhkan persefahaman antara satu sama lain;
 - (v) Menganjurkan program seperti pertandingan seni dan budaya, forum belia, atau cabaran digital yang menggalakkan penyertaan golongan muda dari pelbagai etnik dan agama. Hal ini memberi platform kepada belia untuk berbincang dan berkongsi pendapat mengenai perpaduan dan integrasi;
 - (vi) Mengadakan Kempen Perpaduan menggunakan media sosial untuk mendorong penyertaan aktif dari masyarakat pelbagai kaum dan agama, dengan mempromosikan aktiviti sambutan dan mendorong rakyat berkongsi pengalaman mereka dalam meraikan perpaduan;

- (vii) *Live streaming* dan penglibatan secara digital untuk memastikan penyertaan yang lebih luas. Acara utama seperti forum, konsert, dan pertunjukan kebudayaan akan dipancarkan secara langsung agar masyarakat dari seluruh negara boleh turut serta menikmati dan merasakan kemesraan serta kemeriahan Sambutan Minggu Perpaduan 2025;
- (viii) Galakan penyertaan melalui kegiatan ekonomi dan usahawan seperti acara pameran usahawan yang melibatkan produk dan perkhidmatan dari pelbagai kaum agar dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk saling berinteraksi dalam bidang perniagaan dan ekonomi; dan
- (ix) Menganjurkan festival makanan yang menampilkan masakan dari pelbagai kaum dan agama sebagai cara untuk menghargai kepelbagaian budaya dan mempererat hubungan antara masyarakat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

14. Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terkini yang berdaftar bawah MAINPP.
- (a) Berapakah sumbangan yang disalurkan bagi tahun 2024?
 - (b) Enakmen terlibat MAINPP boleh masuk campur dalam urusan pelantikan ahli lembaga tadbir dan urusan pentadbiran sekolah.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Senarai Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terkini yang berdaftar bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seperti **LAMPIRAN A**.
- (1) Jumlah sumbangan yang disalurkan ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) melalui Bantuan Khas Kerajaan (BKK) 2024, adalah seperti berikut;
 - (i) Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) berjumlah RM446,200.00;
 - (ii) Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) berjumlah RM453,150.00; dan
 - (iii) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) berjumlah RM66,000.00.
 - (2) Berdasarkan perkara 5(1) Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 menyatakan bahawa

suatu Sekolah Islam didaftarkan di bawah enakmen ini hendaklah menubuhkan suatu Jemaah Pengurusan untuk sekolah itu. Selain itu, Kaedah ke 3 dalam Kaedah-kaedah Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Pulau Pinang 2001 menyatakan suatu permohonan untuk mendaftar Sekolah Islam dan surat cara Jemaah Sekolah yang dicadangkan hendaklah dibuat kepada Pendaftar. Di samping itu, Perkara 3, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 menyatakan bahawa lantikan pendaftar adalah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, Perkara 4 (2), Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah pada setiap masa, sentiasa memaklumkan Majlis tentang hal ehwal semua Sekolah Islam dalam negeri. Sehubungan itu, dalam urusan pelantikan Jemaah Pengurusan Sekolah Islam, MAINPP mempunyai bidang kuasa secara langsung dengan tujuan memastikan setiap anggota Jemaah Pengurusan Sekolah Islam yang dilantik adalah orang yang berkelayakan bagi menerajui Sekolah Islam di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Senarai Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terkini yang berdaftar bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seperti berikut:

1) Senarai Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR)

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
1	JAIPP/PEND/01.R.001	SEKOLAH RENDAH AL-ITQAN	459, Jalan Kg Masjid, Teluk Kumbar, 11920 Bayan Lepas
2	JAIPP/PEND/01.R.002	SEK. REN. ISLAM AL-ANSAR (SRIA)	11010 Permatang Pasir, Balik Pulau, Pulau Pinang
3	JAIPP/PEND/01.R.003	MADRASAH UTHMANIAH (ABIM)	Kompleks Pendidikan Uthmaniah, Solok Rajawali 8, Jalan Rajawali, 11900 Bayan Lepas
4	JAIPP/PEND/03.R.001	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM (SRITI) DARUL HADIS TASEK GELUGOR	LOT 873, Mukim 13, Padang Menora, 13310 Tasek Gelugor, Pulau Pinang
5	JAIPP/PEND/04.R.001	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-IKRAM	Lot 4360, Mk 12, Jln Pokok Machang, 13200 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
6	JAIPP/PEND/04.R.004	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI ISLAM FATHUL 'ARIFIN	Pmt 1267 Rantau Panjang, 13100 Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
7	JAIPP/PEND/04.R.002	SEK. REN. ISLAM TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI PULAU PINANG (SRITSAT)	No 1, Persiaran Seksyen 4/1, Bandar Putra Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
8	JAIPP/PEND/04.R.003	MADRASAH AL AMINIAH BERTAM - TAHFIZ VOKASIONAL RENDAH	No.30 Persiaran Seksyen 4/9 Bandar Putra Bertam , 13200 Kepala Batas , Pulau Pinang
9	JAIPP/PEND/05.R.001	MADRASAH AL AMINIAH	Jalan Permatang Nibong, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang
10	JAIPP/PEND/05.R.002	SEKOLAH RENDAH ISLAM BHRUL ULUM (SRIBU)	Lot 128, Mukim 19, Mengkuang Titi 14400 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
11	JAIPP/PEND/05.R.003	SEKOLAH RENDAH ISLAM AMAL RINTIS	21, Tingkat 1, Lorong Kelasah 1, Taman Kelasah, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
12	JAIPP/PEND/05.R.004	SEKOLAH RENDAH AGAMA IBRAH	13500 Permatang Pauh Permatang Pasir, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
13	JAIPP/PEND/06.R.001	MADRASAH AD-DINIAH ISLAMIAH	Jalan Besar 14200 Sungai Bakap Pulau Pinang
14	JAIPP/PEND/06.R.002	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM AL-QAWWAM	No.23 Lorong Keramat Permai 1, Taman Keramat Permai, Nibong Tebal

2) Senarai Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)

BIL	PENDAFTARAN	NAMA SEKOLAH	ALAMAT
1	JAIPP/PEND/01.M.001	SEKOLAH MENENGAH AL-ITQAN	Lot 347-348, Jalan Sepakat Off Jalan Kg Masjid, Mukim 9, Teluk Kumbang, 11920 Bayan Lepas
2	JAIPP/PEND/04.M.001	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-IKRAM	Lot 4360, Mk 12, Jln Pokok Machang, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang
3	JAIPP/PEND/04.M.002	MADRASAH AL-QURAN WAL ARABIYYAH (MAWAR)	267 (E) Lot 659 Mukim 6 Jalan Pongsu Seribu 13200 Kepala Batas
4	JAIPP/PEND/04.M.005	PUSAT PONDOK MODEN DARUSSALAM PULAU PINANG	Sb 5878 Permatang Manggis 13300 Tasek Gelugor Pulau Pinang
5	JAIPP/PEND/04.M.003	SEK. MEN. ISLAM TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI PULAU PINANG (SMITSAT)	No 1, Persiaran Seksyen 4/1, Bandar Putra Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
6	JAIPP/PEND/04.M.004	SEKOLAH MENENGAH ISLAM TAHFIZ AL AMINIAH BERTAM - TAHFIZ VOKASIONAL	No. 42 & 44 Persiaran Seksyen 4/9, Bandar Putra Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
7	JAIPP/PEND/05.M.001	SEKOLAH MENENGAH AGAMA MANABI'UL ULUM	14400 Kubang Ulu, Bukit Mertajam

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
8	JAIPP/PEND/05.M.002	MADRASAH AL AMINIAH	Jalan Permatang Nibong 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang
9	JAIPP/PEND/05.M.003	SEKOLAH MENENGAH AGAMA IBRAH	D/A Lot 1507, Mukim 2, Kg. Tanjung Putus, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang
10	JAIPP/PEND/05.M.004	SEK. MEN. ARAB TAHFIZ, IBN AL-QAYYIM (SMART IQ)	458b Mukim 18, Mengkuang Berapit, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
11	JAIPP/PEND/05.M.005	MAAHAD TAHFIZ AKADEMI AL-QURAN AS-SYAMIL (AQSA)	Bangunan Mpsp, Taman Sri Janggus, Alma, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
12	JAIPP/PEND/06.M.001	MADRASAH IRSHAD AL ASHRAF AL WATANIAH	No 302, Jalan Stesen, Sungai Bakap, 14200 Sg. Jawi, Pulau Pinang
13	JAIPP/PEND/06.M.003	MAAHAD AL-IHSANIAH (MANHAL)	No.100 Jalan Tasek Mutiara 6, Persiaran Mutiara 1 Bandar Tasek Mutiara 14120 Simpang Ampat Pulau Pinang
14	JAIPP/PEND/06.M.002	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AD DINIAH	Jalan Sungai Rambai, Sungai Duri, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
15	JAIPP/PEND/06.M.004	AKADEMI TAHFIZ MUTIARA (ATM)	No.700, Kampung Padang Lalang, Jalan Tasek, 14120 Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
16	JAIPP/PEND/06.M.005	MAAHAD AS SYAKHSIAH TAHFIZ SAINS (MATSA)	No.11, Lorong Pekatra Indah 16, Taman Pekatra Indah, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang
17	JAIPP/PEND/06.M.006	SEKOLAH MENENGAH INTEGRASITERAS ISLAM	Lot 128 MK.19 Kampung MengkuangTiti, Bukit Mentajam

3) Senarai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
1	JAIPP/PEND/01.BKM.001	MAAHAD AL MASHOOR AL ISLAMI	Mk G Jln Sg Nipah, 11000 Balik Pulau Pulau Pinang
2	JAIPP/PEND/02.BKM.001	SEKOLAH MENENGAH AGAMA TARBIAH ISLAMIAH	Jalan Perak, 10150 Georgetown
3	JAIPP/PEND/03.BKM.001	MAKTAB WAN JAH	Masjid Abdul Kadir, Jalan Telaga Air, 12200 Butterworth, Pulau Pinang

BIL	PENDAFTARAN	NAMA INSTITUSI	ALAMAT
4	JAIPP/PEND/04.BKM.002	SEKOLAH MENENGAH AGAMA DAERATUL MA'ARIFIL WATANIAH 1	Jalan Perak, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
5	JAIPP/PEND/04.BKM.003	MAAHAD AL IMAM AN NAWAWI	Lahar Minyak, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara
6	JAIPP/PEND/04.BKM.001	AL MADRASAH AL KHAIRIAH AL ISLAMIAH	Pokok Sena 13220 Kepala Batas Pulau Pinang
7	JAIPP/PEND/05.BKM.003	SMA DAERATUL MAARIFIL WATANIAH II	Guar Perahu, 14400 Kubang Semang, Pulau Pinang
8	JAIPP/PEND/05.BKM.004	SMA AL-AHMADIAH AL-IJTIMIAH	Pondok Padang Lalang, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
9	JAIPP/PEND/05.BKM.001	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL MASRIYAH	1267, Jalan Abdul Kadir, 14000 Bukit Mertajam
10	JAIPP/PEND/05.BKM.002	SEKOLAH MENENGAH AGAMA FAQIAH DAIMIAH	13500 Permatang Pauh Pulau Pinang
11	JAIPP/PEND/06.BKM.001	AL-MAAHADUL ISLAMI TASIK JUNJUNG	1627 Kg. Tasek Junjung, 14120 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
12	JAIPP/PEND/05.BKR.001	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL MASRIYAH	1267, Jalan Abdul Kadir, 14000 Bukit Mertajam

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

15. Bagaimanakah tatacara pelantikan pengerusi, AJK masjid dan pegawai masjid yang terkini?
- (a) Sejauh manakah MAINPP memberi kepercayaan kepada ahli qaryah untuk membuat pelantikan?
 - (b) Bagaimanakah hendak memastikan tiada campur tangan politik dalam pelantikan ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Seksyen 104(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2023) memperuntukkan bahawa Majlis boleh dengan kelulusan Yang di-Pertua Agong membuat peraturan bagi:
- (i) Penubuhan jawatankuasa kariah bagi sesuatu kariah masjid; dan
 - (ii) Menetapkan cara bagaimana anggota jawatankuasa kariah itu hendak dilantik.

Justeru, berdasarkan seksyen di atas, MAINPP telah menentukan Tatacara Pencalonan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang 2024 yang pastinya mengharapkan Jawatankuasa kariah yang dilantik dapat membantu MAINPP mentadbir kariah menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023 dan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid Negeri Pulau Pinang 1997.

Sehubungan itu, Jawatankuasa yang dilantik akan berperanan bagi pengelolaan sempurna keadaan baik masjid, surau dan semua tanah perkuburan Islam dalam kariah dan berkemampuan menjalankan daya usaha memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat orang Islam dalam kariah.

Lanjutan itu, Tatacara Pemilihan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.11 Tahun 2024 (kali ke 259) bertarikh 18 November 2024 dan telah diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong pada 2 Disember 2024 di mana Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIPP akan menguruskan sepenuhnya urusan cadangan pelantikan Jawatankuasa Kariah sesi 2026-2028 ini.

- (a) Kepercayaan kepada anak kariah sangat penting bagi memastikan pengurusan masjid mencerminkan kehendak dan keperluan masyarakat setempat. Melalui mesyuarat agung pencalonan, anak kariah perlulah dicadangkan oleh seorang pencadang dan mendapat sekurang-kurangnya seorang penyokong yang ditentukan sendiri oleh ahli-ahli kariah yang hadir dalam mesyuarat agung pencalonan tersebut. Selain itu, antara syarat pencalonan adalah calon perlu tinggal tetap dalam kariah masjid itu bagi tempoh tidak kurang daripada tiga (3) bulan dan calon perlu hadir ke mesyuarat pencalonan tersebut.
- (b) Bagi memastikan tiada sebarang campur tangan politik dalam pemilihan ini, anak kariah diberi peluang mencalon dan memilih wakil mereka secara demokrasi sebelum dihantar kepada MAINPP untuk pengesahan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

16. Senaraikan Dewan Orang Ramai yang berada di DUN Penaga dan pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal selia.
- (a) Mengapakah Dewan Orang Ramai di Permatang Bendahari terbiar dan tidak digunakan?
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk menggunakan kembali dewan ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Senarai Dewan Orang Ramai yang terdapat di DUN Penaga dan pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal selia adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Dewan Orang Ramai di Permatang Bendahari terbiar dan tidak lagi digunakan adalah disebabkan sebahagian struktur dindingnya yang telah retak dan roboh. Pada bulan November 2024 lalu, satu lawatan telah diadakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dan Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Utara (JKRSPU) bagi menilai keadaan semasa dewan tersebut.

Hasil pemantauan daripada JKRSPU mendapati dewan tersebut tidak selamat untuk digunakan. Berikutan itu, JKRSPU menyarankan supaya dewan tersebut dirobohkan untuk keselamatan orang ramai.

- (b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri melalui PDTSPU tidak mempunyai perancangan untuk mengguna kembali dewan ini memandangkan keadaannya yang tidak selamat lagi untuk digunakan.

LAMPIRAN A

SENARAI DEWAN ORANG RAMAI DI DUN PENAGA

BIL.	NAMA DEWAN ORANG RAMAI	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
1.	Dewan Komuniti Taman Penaga	Persatuan Penduduk Mesra Taman Penaga
2.	Dewan Komuniti Taman Penaga Permai, Mukim 4	KRT Taman Penaga Permai
3.	Dewan Komuniti Taman Seri Penaga, Mukim 4	KRT Taman Seri Penaga
4.	Dewan Tadika Taman Penaga Permai Lot 5514, Mukim 4	Persatuan Penduduk Taman Penaga Permai
5.	Dewan Dato' Haji Ismail Che' Chik	MPKK Bakau Tua
6.	Dewan MPKK Bakau Tua	MPKK Bakau Tua
7.	Pusat Penempatan Banjir Rantau Panjang	MPKK Kota Aur
8.	Pusat Penempatan Banjir Kota Aur	MPKK Kota Aur
9.	Pusat Penempatan Banjir Pengkalan Bongor	MPKK Guar Kepah
10.	Dewan Komuniti Guar Kepah	MPKK Guar Kepah
11.	Dewan Komuniti Kg Jambatan Merdeka	MPKK Permatang Tiga Ringgit
12.	Pusat Komuniti Kadun Penaga	MPKK Penaga
13.	Dewan MPKK / Pusat Penempatan Banjir Bumbung Lima	MPKK Bumbung Lima

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

17. Apakah status pembaikan Dewan Orang Ramai Pekan Penaga yang terbakar pada tahun 2023?
- (a) Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk membaik pulih dan berapakah peruntukan disalurkan untuk baik pulih?
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan kembali penggunaan dewan ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Sebagai makluman, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara telah menyenaraikan Dewan Orang Ramai Pekan Penaga berserta lain-lain dewan di dalam daerah Seberang Perai Utara yang memerlukan pembaikan dan bina semula, termasuk mengemukakan permohonan kepada pihak Agensi Persekutuan.
- (a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM220,000,010.00 bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2025. Pecahan daripada peruntukan ini seterusnya akan disalurkan berdasarkan permohonan dan kelulusan yang telah dipersetujui oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan jabatan-jabatan Negeri.

Anggaran kasar kos pembinaan adalah sebanyak RM 500,000.00. Berdasarkan konsep sebuah dewan terbuka untuk kegunaan penduduk setempat menjalankan aktiviti seperti sukan, keraian dan lain-lain aktiviti.

Permohonan telah diangkat kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan ICU JPM.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu melihat keperluan penyaluran peruntukan bagi projek-projek pembangunan berdasarkan keutamaan dan faktor-faktor lain termasuklah mengambilkira dewan alternatif bagi kegunaan penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti yang memerlukan dewan.

- (b) Pejabat Daerah telah mencadangkan supaya dewan yang terlibat dengan kes kebakaran ini dibina semula berkonsep sebuah dewan terbuka untuk kegunaan penduduk setempat menjalankan aktiviti seperti sukan, keraian dan lain-lain aktiviti.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

18. Senaraikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Pulau Pinang terkini mengikut daerah dan pihak yang mengawal selia.
- (a) Berapakah peruntukan tahunan yang dikeluarkan Kerajaan Negeri bagi menyelenggara semua PPS ini?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan kesiapsiagaan dan keberkesanan PPS dalam menghadapi bencana seperti banjir?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Berdasarkan data rasmi yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga April 2025, terdapat sejumlah **390 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** di seluruh negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada premis seperti sekolah, dewan, maktab, kolej vokasional, masjid dan surau.

Pembahagian PPS mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN PPS
Timur Laut	115
Barat Daya	34
Seberang Perai Utara (SPU)	140
Seberang Perai Tengah (SPT)	75
Seberang Perai Selatan (SPS)	26
JUMLAH KESELURUHAN	390

Senarai penuh PPS mengikut lokasi, nama premis dan koordinat GPS serta pegawai yang mengawal selia mengikut setiap daerah di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Peruntukan penyelenggaraan semua PPS yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:-

PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
PDT DTL	127,733.53
PDT DBD	129,926.00
PDT SPT	177,999.90
PDT SPS	132,340.57
PDT SPU	133,445.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	701,445.00

Bagi tahun 2025, Unit Pengurusan Bencana (UPB) di bawah Kerajaan Negeri turut memohon peruntukan tambahan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi tujuan penyelenggaraan PPS di negeri Pulau Pinang. Permohonan tersebut masih dalam pertimbangan NADMA.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS), dan UPB telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kesiapsiagaan dan keberkesanan PPS dalam menghadapi bencana. Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menghadapi bencana seperti banjir adalah seperti berikut:-

(i) **Perancangan dan Penilaian Risiko**

Pemetaan kawasan berisiko banjir untuk mengenal pasti lokasi-lokasi strategik bagi mendirikan PPS. Pelan tindakan kecemasan disediakan agar membolehkan tindakan awal diambil untuk mengurangkan impak bencana. Infografik dan pemakluman berhubung PPS di samping maklumat-maklumat lain berhubung bencana boleh didapati di laman web *Penang Alert*.

(ii) **Latihan Simulasi Bencana**

Mengadakan latihan simulasi bencana peringkat negeri untuk menguji keberkesanan PPS dan pelan tindakan serta meningkatkan kecekapan petugas lapangan. Pelbagai Jabatan/Agensi terlibat dalam sesuatu Latihan simulasi bagi supaya Bersiap siaga sewaktu menghadapi bencana dan krisis luar jangka. Di samping itu, Sistem amaran awal (Early Warning Sistem) di bawah Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) turut digunakan bagi memberi maklumat awal kepada penduduk yang berisiko agar mereka dapat berpindah dengan selamat.

(iii) **Peningkatan Infrastruktur dan Kemudahan PPS**

PPS dikenalpasti dan dinaik taraf dengan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, tandas, tempat tidur, dan ruang khas untuk warga emas, wanita dan kanak-kanak. Pemilihan lokasi PPS turut mengambil kira kemudahan akses dan keselamatan daripada banjir susulan. Selain itu, Kerajaan Negeri dengan Kerjasama pihak NADMA bakal mewujudkan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) juga menjadi salah satu infra terbaru yang akan dimanfaatkan oleh rakyat.

(iv) **Kesiapsiagaan PPS dan anggota petugas**

Memastikan PPS sentiasa berada dalam keadaan bersedia sebelum, semasa dan selepas bencana berlaku. Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan agensi lain turut ditugaskan secara bergilir bagi memastikan pengurusan PPS berjalan lancar.

(v) **Kerjasama Dengan Komuniti Setempat**

Penglibatan komuniti tempatan dan sukarelawan dalam pengurusan PPS bagi membantu dalam komunikasi, logistik dan pengurusan mangsa, pendidikan komuniti tentang tindakan sebelum, semasa dan selepas bencana melalui program.

Kerjasama erat dengan Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPB), Pejabat Daerah, PBT, pasukan keselamatan serta

NGO menjadikan pengurusan PPS lebih tersusun dan responsif. Secara keseluruhan, keberkesanan PPS di Pulau Pinang bergantung kepada perancangan rapi, koordinasi bersepadu dan keprihatinan semua pihak yang terlibat.

SENARAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

PKMD : Barat Daya

BIL	NAMA PPS	KAPASITI (ORANG)	ALAMAT	DAERAH	DUN	PARLIMEN	KOORDINAT (JIKA ADA)	NO. TEL. PUSAT	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB (PIC)	NO. TELEFON PIC
1	SJKT BAYAN LEPAS	100	Jalan Permatang Damar Laut, Kampung Bukit, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Batu Maung	Bayan Baru	5.29335,100.2573	PN KAVITHA A/P PARMAL (04-641 5378 / 016-4459565)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
2	SJKC PULAU BETONG	100	No. 1, Jalan Balik Pulau, Pulau Pinang, 11020 Balik Pulau	Barat Daya Pulau Pinang	Pulau Betong	Bayan Baru	5.30381,100.20002	TAW SAW IMM (04-8662068 / 012-4778761)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
3	SJKC SIN MIN	80	No. 1, Jalan Sungai Pinang, Kampung Batu Kecil, 11010 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.3995,100.21379	LOH KAR YIN (04-866 2311 / 0125579097)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
4	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) YANG CHENG	500	Lot 529, Jln Teluk Kumbar, (Kg Bkt), 11900, 11920 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Bayan Lepas	Balik Pulau	5.30085,100.23214	TEH BENG AI (04-649 1233 / 010-4569391)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
5	KOLEJ VOKASIONAL BALIK PULAU	500	Kolej Vokasional Balik Pulau, Jalan Balik Pulau, Kampung Permatang Tengah, 11000 Balik Pulau, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Pulau Betong	Balik Pulau	5.33758987,100.21691055	ABDUL SALIM BIN ABDUL SAMAD (04-8666229 / 012-5373165)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
6	SMA MAAHAD AL MASHOOR AL ISLAMI	500	Jalan Sungai Nipah, Kampung Terang, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Pulau Betong	Balik Pulau	5.331583, 100.212932	AZMI BIN ABDUL HAMID (04-866 1190 / 019-4786980)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
7	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	200	Jalan Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Bayan Lepas	Balik Pulau	5.326253940041083, 100.27250495960268	PN NORSILATI@NORSILAWATI BINTI ISHAK (04-6439142 / 019-4116265)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
8	SK TELUK BAHANG	80	Teluk Bahang, 11050 George Town, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.452564785072777, 100.21422805031187	PN SARIMA BINTI ISHAK (04-8851231 / 017-4509094)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
9	SK BAYAN LEPAS 2	150	Kampung Seronok, 11900 Bayan Lepas, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Bayan Lepas	Balik Pulau	5.2882,100.2584	HANZANEZA ABDUL HAMID (04-646 3039 / 016-4141524)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
10	PUSAT LATIHAN SUKAN AIR TELUK KUMBAR	80	Jalan Gertak Sanggul, 11910 Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.287508, 100.230486	HJ RAMLEE BIN ABU BAKAR (04-228 5831 / 011-59292829)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
11	SMK TELUK KUMBAR	210	Jalan Kampung Masjid, 11000 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.290167829088789, 100.2230013628017	PN. ROHAYA BINTI YAHYA (04-649 1536 / 019-4105432)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
12	BALAI RAKYAT TELUK BAHANG	200	6, Teluk Bahang, 11050 Tanjung Bungah, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.457358131689685, 100.21432728720994	MUBARAK HASSAN BIN ZAKARIA (04-8668442 / 013-5854669)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361

BIL	NAMA PPS	KAPASITI (ORANG)	ALAMAT	DAERAH	DUN	PARLIMEN	KOORDINAT (JIKA ADA)	NO. TEL. PUSAT	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB (PIC)	NO. TELEFON PIC
13	SMK TELUK BAHANG	130	Jalan Telok Bahang, Teluk Bahang, 11050 George Town, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.4503569209782965, 100.21357993984981	PN. AZRINA BT MUKHTAR (04-881 4636 / 013-4272444)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
14	SJKC YU CHYE	30	Taman Jelita, 11000 Balik Pulau, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.393023,100.201988	EN. CHANG CHONG OWN (04-866 2360 / 011-14048966)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
15	SEK. KEB. SUNGAI RUSA	90	No. 1, Jalan Sungai Rusa, Kampung Sungai Rusa, 11010 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.383764,100.2147	EN. HISHAM BIN ISMAIL (04-8661004 / 013-4288480)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
16	SEK. KEB SUNGAI PINANG	80	Jalan Balik Pulau, 11010 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.398201747105406, 100.21246070820426	PN.NOOR HAFIZA BT MOHD JOHARI (04-866 2307 / 019-4079397)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
17	SEK. KEB. TAN SRI AWANG SALLEH	80	Jalan Baru, Kampung Perlis, 11020 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.307532236933958, 100.20214144065542	PN. FAUZIAH BT SAAD (04-8662329 / 017-3009581)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
19	SEK. MEN. KEB. SERI BALIK PULAU	400	4, Jalan Sungai Nipah, Kampung Permatang Tengah, 11020 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.33445,100.212839	PN.FARIDAH BINTI HUSSAIN (04-8668442 / 012-5674231)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
20	SEK. KEB. SG KOROK	80	722, Jalan Baru, Kampung Titi Teras, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.352548, 100.209574	EN. AHMAD ANUAR BIN RAMLEE (04-866 8262 / 013-3887475)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
21	SEK. KEB TITI TERAS	80	11000 Balik Pulau, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.357531265600125, 100.22502074509127	PN. ROZANA BINTI MOHAMED NOORDIN @ AHMAD (04-866 2310 / 019-5955627)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
22	SEK. MEN. KEB. PONDOK UPEH	200	Jalan Balik Pulau, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.335055,100.22048	EN.HASSAN BIN DIN (04-866 0217 / 019-4579551)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
23	DEWAN MBPP BALIK PULAU	200	Pasar Awam, Balik Pulau, Penang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.351916624144205, 100.2408605156734	MELVINDER SINGH A/L SARJEET SINGH (04-866 8201 / 019-5590073)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
24	SEK. KEB. PERMATANG DAMAR LAUT	130	Jalan Batu Maung, 11960 Batu Maung, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	5.279640659678787, 100.27292321293959	PN MASTURA BINTI ANUAR (04-626 1531 / 019-3837284)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
25	SEK. MEN. KEB. BATU MAUNG	210	Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Maung, 11960 Batu Maung, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	5.282188,100.285671	EN.SRI RAM A/L BILANGWATI (04-626 6584 / 013-4411974)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
26	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU	240	Lorong Mahsuri 7, Bayan Baru, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	5.329593, 100.289502	PN.NAZZATUL ASHIMA BT ABDUL RAHMAN (04-642 2996 / 013-5101373)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
27	SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG	180	Jalan Sultan Azlan Shah, Kampung Sungai Nibong, 11900 Gelugor, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	5.338136,100.300256	EN. MOHD NAZRI BIN MOHD YAACOB (04-642 4678 / 017-4025400)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361

BIL	NAMA PPS	KAPASITI (ORANG)	ALAMAT	DAERAH	DUN	PARLIMEN	KOORDINAT (JIKA ADA)	NO. TEL. PUSAT	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB (PIC)	NO. TELEFON PIC
28	SEK. MEN. KEB. RAJA TUN UDA	510	Jalan Tengah, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.320286326363177, 100.28259597918156	PN. SHARIFAH BAHOM BINTI ABDUL RAHIM (04-643 2772 / 019-4728584)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
29	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	370	Jalan Dato Ismail Hashim, Taman Seri Acres, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.319164455900557, 100.27126827460219	PN. NOORALIZA BINTI NASRUDIN (04-643 4557 / 012-4002511)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
30	SEK. KEB. MUTIARA PERDANA	220	Jalan Dato Ismail Hashim, Mutiara Perdana, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.30899,100.264563	PN. DALIA BINTI JOHARI (04-644 5500 / 012-5070508)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
31	SEK KEB BAYAN LEPAS	190	Jalan Dato Ismail Hashim, Kampung Masjid, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.296776, 100.260792	EN.SHAHHIR BIN SHAHRANI (04-6441149 / 011-28091910)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
32	SEK.KEB. SUNGAI BATU	240	Jalan Teluk Kumbar, Kampung Teluk Kumbar, 11920 Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.287685268980853, 100.2424321546776	PN. RODZITA BINTI MD ISA (04-649 6795 / 012-4453999)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
33	SK TELUK KUMBAR	200	22, Jalan Teluk Kumbar, Bandar Baru Telok Kumbar, 11920 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.290421,100.232032	EN. AZLIN BIN JAMBUT (04-649 1952 / 013-5027066)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361
34	DEWAN JKKK BUKIT GEMURUH	50	Jalan Gertak Sanggul, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya Pulau Pinang	Telok Bahang	Balik Pulau	5.287791, 100.230059	EN TALHA BIN ABDUL SAMAD (04-8668442 / 011-37164058)	NOORAINI BT ABDUL SAMAD	013-4913361

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

19. Siapakah yang memberi sokongan dan kelulusan membuka Pusat Snooker di Pusat Perniagaan Seri Penaga di Bakar Kapur?
- (a) Apakah kewajaran membuka pusat snooker di kawasan tersebut?
 - (b) Apakah jenis permit yang dikeluarkan, syarat operasi dan masa operasi?
 - (c) Bagaimanakah pemantauan dilakukan bagi mengelakkan perjudian di sini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Proses permohonan kelulusan lesen bagi menjalankan aktiviti permainan snuker di Pusat Perniagaan Seri Penaga di Bakar Kapur adalah mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) Permohonan Lesen Hiburan Awam yang ditetapkan oleh MBSP. Sebanyak tujuh (7) agensi teknikal yang telah dirujuk bagi mendapat pandangan dan ulasan sebelum kelulusan pengeluaran lesen diberikan iaitu:
- (i) Jabatan Perancang Bandar MBSP;
 - (ii) Jabatan Bangunan MBSP;
 - (iii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
 - (iv) Jabatan Kewangan Negeri;

- (v) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) - IPD Seberang Perai Utara;
 - (vi) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara; dan
 - (vii) Jabatan Tenaga Kerja.
- (a) Pihak MBSP mempertimbangkan untuk memberikan kelulusan lesen adalah berdasarkan ulasan dan sokongan yang diberikan oleh jabatan-jabatan teknikal. Ulasan yang diberikan sudah tentu telah mengambil kira pelbagai aspek sebelum permohonan tersebut disokong.
 - (b) Terdapat dua (2) jenis lesen yang telah dikeluarkan iaitu Lesen Premis dan Iklan dan juga Lesen Hiburan Awam. Justeru itu, pemilik lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan Garis Panduan Permohonan dan Peraturan Lesen Premis dan Iklan MBSP dan juga Enakmen Tempat-Tempat Hiburan Awam 1998. Waktu perniagaan Pusat Perniagaan Seri Penaga pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad adalah di antara jam 2.00 petang sehingga jam 2.00 pagi manakala pada hari Isnin sehingga Khamis waktu pengoperasian adalah di antara jam 2.00 petang sehingga jam 12.00 tengah malam.
 - (c) Pemantauan terhadap operasi pusat snooker akan dilakukan oleh PBT dan pihak berkuasa berkenaan adalah berdasarkan aduan-aduan yang diterima. Sebarang aduan yang melibatkan unsur perjudian akan disalurkan kepada PDRM untuk tindakan siasatan selanjutnya. Sekiranya siasatan mendapati wujud unsur perjudian, pemilik premis boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta Pertaruhan 1953 [AKTA 289].

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

20. Senaraikan bilangan penerima baucar pukut bagi tahun 2024 mengikut unit nelayan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah kriteria pemilihan penerima baucar pukut dan sejauh manakah ketelusan proses agihan ini dijamin?
 - (b) Senaraikan masalah yang berlaku daripada pemberian baucar ini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Peruntukan yang diluluskan bagi Program Bantuan Khas Nelayan 2024 di bawah Projek Khas bagi tahun 2024 berjumlah RM500,000.00. Pejabat EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Koperasi menyedari hakikat bahawa peruntukan ini adalah tidak cukup untuk agihan kepada semua nelayan di negeri ini. Justeru peruntukan tambahan bagi Bantuan Khas Nelayan telah dipohon dari pihak KPKM bagi tahun 2025.
- (a) Berikutan kekangan jumlah peruntukan yang diterima ini, agihan bantuan nelayan kali ini dibuat secara bersasar, kriteria penerima bantuan melibatkan nelayan pesisir Pantai Zon A, seluruh Negeri Pulau Pinang dan pemilik bot yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Permohonan Bantuan Nelayan 2024 dibuat melalui Pejabat ADUN Kawasan dan Pejabat Penyelaras KADUN. Pejabat ADUN Kawasan dan Pejabat Penyelaras KADUN telah menerima senarai nama pemohon melalui Unit-unit Nelayan di kawasan masing-masing. Senarai nama tersebut dihantar ke Pejabat Perikanan Pulau Pinang bagi proses verifikasi status lesen dan kemudiannya dihantar ke Pejabat EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Koperasi bagi pelarasan senarai nama penerima Bantuan Nelayan 2024.

Pihak Pejabat EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Koperasi telah menerima senarai nama pemohon yang telah diverifikasi oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang iaitu seramai 1,869 orang. Memandangkan terdapat kekangan jumlah peruntukan, agihan bantuan kali ini hanya dapat diberikan kepada seramai 1,380 orang nelayan sahaja yang melibatkan 41 unit nelayan seluruh Pulau Pinang. Baki nelayan yang tidak menerima bantuan kali ini iaitu seramai 489 orang akan disenaraikan sebagai penerima bantuan pada masa akan datang. Senarai jumlah penerima bantuan nelayan mengikut kawasan DUN seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Pihak Pejabat EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Koperasi menyedari bahawa terdapat ketidakpuasan hati dari para nelayan yang tidak menerima bantuan pada kali ini dan penjelasan telah diberikan kepada mereka. Agihan bantuan dibuat secara telus dan pelarasan yang dibuat dari semasa ke semasa berkaitan jumlah penerima bantuan adalah bagi memastikan jumlah peruntukan adalah mencukupi dengan jumlah penerima. Pengurangan jumlah penerima bantuan nelayan hanya dilaksanakan di Kawasan DUN tertentu bagi memudahkan pelaksanaan pemberian bantuan nelayan pada masa akan datang yang hanya melibatkan seramai 489 orang dari beberapa Kawasan DUN sahaja.

LAMPIRAN A

**SENARAI JUMLAH PENERIMA BANTUAN NELAYAN MENGIKUT
KAWASAN DUN**

**Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah
& Seberang Perai Selatan**

Bil	DUN	Jumlah Penerima
1	Penaga	184
2	Telok Air Tawar	34
3	Sungai Puyu	14
4	Bagan Jermal & Bagan Dalam	42
5	Bukit Tengah	157
6	Bukit Tambun	93
7	Jawi	24
8	Sungai Acheh	146
9	Permatang Pasir	15
Jumlah Keseluruhan		709

Daerah Barat Daya & Daerah Timur Laut

Bil	DUN	Jumlah Penerima
1	Pantai Jerjak	58
2	Seri Delima	20
3	Batu Uban	23
4	Sungai Pinang	111
5	Padang Kota	38
6	Tanjong Bunga	61
7	Teluk Bahang	54
8	Batu Maung	83
9	Bayan Lepas	196
10	Pulau Betong	27
Jumlah Keseluruhan		671

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

21. Senaraikan bantuan terkini yang diterima oleh pesawah pada tahun 2024 dan 2025.
- (a) Berapakah bilangan pesawah di DUN Penaga yang menerima manfaat daripada bantuan RM15 juta yang diumumkan oleh BERNAS dan berapakah yang diterima?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu mengurangkan harga kos benih padi yang tinggi?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Bantuan yang diterima oleh pesawah di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pada 13 Februari 2025, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bersetuju menyalurkan sumbangan tambahan sebanyak RM30 juta bagi menyokong usaha Kerajaan dalam membela nasib pesawah di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mula menyalurkan bantuan khas tersebut kepada pesawah yang layak bermula 24 April 2025. Proses agihan dijalankan secara berperingkat berpandukan pangkalan data pesawah berdaftar bagi Musim 2 Tahun 2024.

Setiap pesawah yang layak akan menerima bantuan dalam bentuk bayaran tunai sebanyak RM145.00 seorang yang dikreditkan terus ke akaun bank masing-masing atau disalurkan secara tunai melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Bantuan ini dapat memanfaatkan seramai 206,897 pesawah berdaftar di seluruh negara, termasuk seramai 5,256 pesawah di Negeri Pulau Pinang. Namun tiada data yang diberikan oleh pihak KPKM mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

- (b) Bagi tujuan mengurangkan harga kos benih padi yang tinggi, Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membantu pesawah padi seperti yang berikut:

(i) Program Bantuan Diesel

Peruntukan berjumlah RM100,000.00 disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk membantu pesawah yang terjejas akibat musim kemarau;

(ii) Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi (TBTP)

Penyaluran bantuan kewangan sebanyak RM239,832.00 telah disalurkan pada Februari 2025 melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Pulau Pinang kepada pesawah yang terjejas. Seramai 131 orang pesawah di negeri ini telah dibantu untuk menampung kerugian akibat bencana tersebut;

(iii) Pembangunan Infrastruktur Pertanian

Inisiatif sebanyak RM6.93 juta telah disalurkan kepada Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran padi dan mengurangkan kos pengeluaran melalui penggunaan teknologi moden dan infrastruktur yang efisien;

(iv) Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Kerajaan Negeri turut menyertai Program SMART SBB yang dilaksanakan oleh KPKM bagi tujuan mengoptimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. Lima (5) syarikat di Negeri Pulau Pinang telah terlibat dalam program ini melibatkan kawasan seluas 942 hektar dan 420 orang pesawah; dan

(v) Penyelarasan Harga Benih Padi

Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bekalan benih padi adalah mencukupi, berkualiti tinggi dan harga berpatutan. Selain itu, Kerajaan Negeri akan membantu dalam proses pengagihan benih padi toleran air masin kepada pesawah negeri ini sekiranya ia telah diedarkan ke Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A**BANTUAN PESAWAH NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2024 DAN 2025****TAHUN 2024**

DAERAH	JENIS BANTUAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Seberang Perai Utara	(i) Input Pertanian; (ii) Infrastruktur; dan (iii) Peralatan Pertanian.	190,861.00
Seberang Perai Tengah		118,419.00
Seberang Perai Selatan		110,720.00
Barat Daya / Timur Laut		80,000.00
Peruntukan Khas Kerja-Kerja Naik Taraf Infrastruktur Sistem Perparitan Ladang		200,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		700,000.00

TAHUN 2025

DAERAH	JENIS BANTUAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Seberang Perai Utara	(i) Input Pertanian; (ii) Infrastruktur; dan (iii) Peralatan Pertanian.	183,589.00
Seberang Perai Tengah		142,225.00
Seberang Perai Selatan		96,202.00
Barat Daya / Timur Laut		27,571.00
JUMLAH KESELURUHAN		449,587.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

22. Senaraikan bilangan premis *vape* terkini mengikut DUN.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pematuhan larangan pameran produk *vape* di premis jualan umum yang berkuat kuasa mulai 1 April 2025?
 - (b) Memandangkan Terengganu telah mengambil langkah tidak meluluskan lesen baharu bagi penjualan *vape*, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertimbangkan pendekatan serupa?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Maklumat bilangan premis *vape* terkini mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Sebanyak 146 operasi bagi Akta 852 telah dijalankan sepanjang Januari sehingga Mac 2025 dengan melibatkan 186 lawatan ke atas 3,161 premis. Sebanyak 2,246 notis kesalahan (Seksyen 47 Akta 852) telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.
- Pada tahun 2024, bermula Oktober sehingga Disember 2024 pula, sebanyak 321 operasi dijalankan dengan 1,185 lawatan dijalankan terhadap 8,595 premis dengan 10,808 nasihat dan advokasi diberikan.

- (b) Bagi larangan penjualan *vape*, ianya masih dalam kajian Kerajaan Negeri kerana dikhuatiri berlakunya isu penyeludupan haram berlaku memandangkan negeri jiran seperti Kedah dan Perak masih belum melaksanakan larangan tersebut. Jenayah penyeludupan akan memburukkan situasi khususnya untuk mengawal selia kandungan cecair *vape* yang mungkin mengandungi bahan terlarang.

LAMPIRAN A**BILANGAN PREMIS ROKOK ELEKTRONIK YANG MENJUAL VAPE
MENGIKUT KADUN DARI TAHUN 2020 SEHINGGA KINI YANG
TERDAPAT DI NEGERI PULAU PINANG**

Bil.	KADUN	Jumlah
1.	BERTAM	12
2.	PERMATANG BERANGAN	2
3.	SUNGAI DUA	9
4.	TELUK AIR TAWAR	10
5.	BAGAN JERMAL	15
6.	BAGAN DALAM	13
7.	SEBERANG JAYA	9
8.	PERMATANG PASIR	2
9.	PENANTI	1
10.	BERAPIT	4
11.	MACHANG BUBOK	4
12.	PADANG LALANG	10
13.	PERAI	28
14.	BUKIT TENGAH	31
15.	BUKIT TAMBUN	12
16.	JAWI	9
17.	SUNGAI BAKAP	15
18.	SUNGAI ACHEH	6
19.	PINANG TUNGGAL	2
20.	PENAGA	5
21.	SUNGAI PUYU	1
	JUMLAH	200

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

23. Apakah status semasa gelanggang futsal di Kampung Guar Tun Syed yang terbiar dan apakah langkah pemulihan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri?
- (a) Berapakah peruntukan telah disediakan untuk membaik pulih atau mengaktifkan semula kemudahan ini?
 - (b) Apakah mekanisme pemantauan atau penyelenggaraan berkala yang dilaksanakan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Status semasa gelanggang futsal di Kampung Guar Tun Syed adalah masih aktif dan tidak terbiar. Gelanggang tersebut digunakan oleh anak muda untuk bermain bola dan sepak raga pada setiap petang.
- (a) Peruntukan untuk pembaikan keseluruhan dewan dan sukan di dalam Seberang Perai Utara akan dimohon kepada Kerajaan Negeri apabila terdapat keperluan dan pertimbangan bergantung kepada senarai keutamaan dan tahap kritikal oleh kerana peruntukan yang terhad. Buat masa ini, keperluan peruntukan di gelanggang tersebut masih tidak mendesak.
 - (b) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Permatang Jangus dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dan Majlis Bandaraya

Seberang Perai (MBSP) telah melakukan penyelenggaraan secara berkala sewajarnya.

Sebagai makluman tambahan, Program Gotong-royong juga telah dilaksanakan pada 1 Mac 2025 baru-baru ini bagi membersihkan gelanggang tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program KAFA Menengah dalam memperkukuh pendidikan Islam dalam kalangan remaja?
- (a) Apakah indikator yang digunakan untuk menilai pencapaian pelajar dalam program ini?
 - (b) Apakah perancangan untuk memperluas program ini ke lebih banyak lokasi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) menilai keberkesanan program KAFA Menengah ini melalui pendekatan pemantauan berstruktur, analisis pencapaian akademik dan amali pelajar serta maklum balas daripada pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat.
- (a) Beberapa indikator utama yang digunakan untuk menilai pencapaian pelajar dalam program KAFA Menengah adalah seperti berikut:
 - (i) Prestasi pelajar dinilai melalui peperiksaan akhir tahun serta peperiksaan Sijil KAFA Menengah (SKM);

- (ii) Kehadiran pelajar dan penglibatan aktiviti luar kelas menjadi salah satu ukuran komitmen pelajar terhadap program juga penyertaan pelajar dalam program ceramah, forum agama, pertandingan Ihtifal dan kesukanan serta aktiviti kerohanian;
 - (iii) Guru KAFA Menengah membuat penilaian akhlak dan sahsiah pelajar melalui pemantauan berterusan terhadap tingkah laku, akhlak, dan disiplin pelajar; dan
 - (iv) Melaksanakan kajian kepuasan ibu bapa dan maklum balas komuniti dalam menilai impak program kepada perkembangan remaja.
- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri menumpukan seluruh perhatian dalam memperkasa KAFA Menengah di lokasi yang sedia ada.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

25. Senaraikan bilangan KAFA Menengah dan lokasi terkini di Pulau Pinang.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan penyertaan pelajar dalam program KAFA Menengah kekal tinggi?
 - (b) Apakah strategi promosi yang digunakan untuk menarik minat pelajar dan ibu bapa?
 - (c) Adakah terdapat insentif atau sokongan tambahan kepada pelajar yang menyertai program ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Bilangan dan Lokasi Terkini Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Menengah di Pulau Pinang:

Sehingga tahun 2025, terdapat 13 buah KAFA Menengah yang beroperasi di Pulau Pinang. Lokasi-lokasi tersebut adalah:

- (i) Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas;
- (ii) Masjid Jamek Al-Hidayah, Lahar Tiang, Kepala Batas;
- (iii) Masjid Dato' Sheikh Adnan, Penaga, Kepala Batas;
- (iv) Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Taman Guar Perahu, Penanti;

- (v) Masjid Jamek Al-Hidayah, Jalan Baru, Perai;
 - (vi) Masjid Jamek Kepala Gajah, Kepala Gajah, Simpang Ampat;
 - (vii) Masjid Al-Amin, Simpang Tiga, Nibong Tebal;
 - (viii) Masjid Umar Abdul Aziz, Batu Maung, Bayan Baru;
 - (ix) Masjid Al-Huda, Sungai Ara, Bayan Baru;
 - (x) Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong, George Town;
 - (xi) Surau Haji Mahmud Taib, Kubang Semang, Bukit Mertajam;
 - (xii) Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang; dan
 - (xiii) Masjid Al-Bukhary, Jelutong (secara atas talian).
- (a) Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan Zakat MAINPP telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan penyertaan pelajar dalam program KAFA Menengah, antaranya:
- (i) Penyediaan Buku Teks Percuma: Buku teks disediakan oleh pihak YIPP untuk semua pelajar;
 - (ii) Sesi Pengajian Fleksibel: Kelas dilaksanakan pada waktu malam, iaitu dari jam 7.00 malam hingga 10.00 malam, bagi memudahkan pelajar yang bersekolah pada waktu siang; dan
 - (iii) Sijil Tamat Pengajian: Pelajar yang menamatkan pengajian akan diberikan sijil KAFA Menengah Pulau Pinang.
- (b) Beberapa strategi promosi telah dilaksanakan untuk menarik minat pelajar dan ibu bapa, iaitu seperti:
- (i) Aktiviti Luar Kelas: Melaksanakan hari sukan KAFA Menengah, sesi lawatan, seminar;

- (ii) Program Ihtifal Sanawi: Penganjuran program seperti Ihtifal Sanawi yang melibatkan pertandingan Tilawah, Hafazan, Khutbah, Kuiz, dan Azan untuk memupuk minat pelajar; dan
 - (iii) Program Penghayatan Bulan-Bulan Islam: Pelaksanaan program Ihya' Ramadan, ceramah agama, majlis khatam Al-Quran sebagai penghargaan kepada pelajar.
- (c) Antara insentif atau sokongan tambahan kepada pelajar yang menyertai KAFA Menengah ini adalah seperti berikut:
- (i) Tenaga Pengajar Terlatih: Guru-guru KAFA Menengah diberikan latihan profesional dan kursus berterusan untuk meningkatkan kualiti pengajaran; dan
 - (ii) Program Pembangunan Sahsiah dan Rakan Masjid: Pelajar didedahkan kepada program seperti tadarus Al-Quran dan qiamullail untuk memperkukuh sahsiah dan akhlak mereka, juga mengambil bahagian dengan pihak masjid pelaksana dalam aktiviti yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

26. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memudahkan proses permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi nelayan tulen di Pulau Pinang?
- (a) Apakah syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi oleh pemohon lesen nelayan?
 - (b) Adakah inisiatif digital seperti Sistem eLesen digunakan untuk mempercepatkan proses permohonan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Permohonan lesen baharu bergantung kepada jumlah vesel. Pemberian lesen bagi kategori sampan Zon A (iaitu nelayan di bawah 15 batu nautika ke bawah) telah dibekukan sejak tahun 1982 bagi tujuan menjaga sumber perikanan. Walau bagaimanapun, terdapat pemutihan yang dibuat bagi nelayan sedia ada bagi membolehkan kuota yang masih kosong dimohon oleh nelayan baharu. Pemutihan dilakukan sekiranya nelayan didapati tidak aktif melebihi tiga (3) tahun atau meninggal dunia. Pemberian lesen bagi kuota yang dikosongkan ini dikenali sebagai Lesen Sampan Khas (LSK).
- (a) Bagi pengeluaran LSK, pemohon perlu melepasi tiga (3) fasa iaitu pemeriksaan dokumen, sesi temu duga dan pemeriksaan vesel. Senarai nama yang lulus ketiga-tiga fasa ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lesen Sampan Khas yang dianggotai oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

dan Persatuan Nelayan bagi mendapatkan sokongan. Setelah itu, senarai nama tersebut akan diangkat ke pihak DOF Malaysia bagi tujuan kelulusan.

- (b) Buat masa ini, permohonan lesen vesel baharu boleh dimohon sama ada secara manual atau sistem e-Lesen. Penggunaan inisiatif digital seperti e-Lesen antara lain bertujuan untuk memudah dan mempercepatkan proses permohonan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

27. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan hanya nelayan yang benar-benar aktif dan layak diberikan lesen perikanan?
- (a) Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk menilai keaktifan nelayan?
 - (b) Adakah terdapat proses semakan semula atau penilaian berkala terhadap pemegang lesen sedia ada?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan hanya nelayan yang aktif dan layak sahaja akan diberikan lesen perikanan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Pihak DOF akan memperbaharui lesen penangkapan setiap tahun. Pemohon / pemilik vesel akan menghantar permohonan kepada Pejabat Perikanan Daerah dan pemeriksaan vesel serta pemilik vesel akan dibuat bagi memastikan keaktifan nelayan terbabit.
- (a) dan (b) adalah berkaitan.

Bagi tujuan pemantauan dan pembaharuan lesen, pihak DOF akan membuat pemeriksaan vesel pada setiap tahun. Keputusan pemeriksaan ini akan menentukan status aktiviti nelayan sama ada aktif atau tidak.

Selain itu, pihak DOF turut melaksanakan mekanisme pemantauan keaktifan nelayan seperti yang berikut:

(i) Pembaharuan Lesen Tahunan

Permohonan pembaharuan lesen nelayan dan vesel perlu dilakukan setiap tahun di Pejabat Perikanan Daerah.

(ii) Pemeriksaan Fizikal Vesel

Pegawai Pemeriksa DOF akan melakukan lawatan ke pangkalan nelayan untuk memeriksa keadaan vesel (perahu/kapal). Vesel mesti berada dalam keadaan baik dan bersedia untuk beroperasi bagi penangkapan ikan.

(iii) Rekod Tangkapan

Nelayan dikehendaki menyimpan rekod tangkapan atau *log book* bagi penilaian dan pengesahan frekuensi/konsistensi aktiviti penangkapan. Nelayan yang tidak mencapai kuota pendaratan akan diberikan surat tunjuk sebab. Sekiranya justifikasi yang dikemukakan tidak munasabah, lesen akan ditarik balik.

(iv) Pemantauan melalui Sistem GPS/VMS/AIS

Setiap vesel akan dipasang dengan *Global Positioning System* (GPS), *Vessel Monitoring System* (VMS) atau *Automatic Identification System* (AIS) yang digunakan untuk mengesan pergerakan vesel bagi memastikan ia digunakan untuk aktiviti perikanan.

(v) Siasatan dan Aduan Awam

Nelayan lain atau komuniti boleh membuat laporan melalui aduan awam jika didapati ada nelayan berlesen yang tidak aktif.

Manakala mekanisme pemutihan (pembersihan rekod) dan pembatalan lesen bagi nelayan tidak aktif dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dilaksanakan seperti yang berikut:

(i) Tempoh Tidak Memperbaharui Lesen (3 Tahun)

Jika pemegang lesen tidak memperbaharui lesen perikanan selama tiga (3) tahun berturut-turut maka

lesen tersebut akan melalui proses pemutihan. DOF akan mengeluarkan notis amaran kepada pemilik lesen melalui surat tunjuk sebab.

(ii) Proses Pemutihan

Nelayan diberi tempoh selama satu (1) bulan untuk memperbaharui lesen atau memberi justifikasi kepada pihak DOF atas kegagalan memperbaharui lesen. Lesen akan dianggap tidak aktif dan dibatalkan sekiranya tiada maklum balas daripada nelayan selepas tempoh tersebut.

(iii) Pembatalan Lesen

Nelayan dikehendaki memulangkan buku lesen selepas lesen dibatalkan. Kuota atau hak lesen tersebut akan diberikan kepada nelayan baharu yang layak melalui permohonan Lesen Sampan Khas (LSK).

(iv) Pendaftaran Semula

Nelayan yang lesennya dibatalkan perlu memohon lesen baharu (bukan pembaharuan) dan perlu melalui semula proses kelayakan seperti pemohon baharu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

28. Senaraikan bilangan RIBI yang dibina tanpa kebenaran yang ada dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan bilangan tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap RIBI-RIBI ini.
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tindakan ini dilaksanakan secara adil tanpa menjejaskan keharmonian antara agama?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Bilangan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dibina tanpa kebenaran dari tahun 2020 sehingga setakat Mei 2025 adalah seperti berikut:

PBT	2020 - 2024	2025
MBSP	43	21
MBPP	149	115
Jumlah	192	136

Dari tahun 2020 hingga 2024, sebanyak 43 tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) tanpa kebenaran telah dikenal pasti di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merekodkan sebanyak 149 tapak.

Namun, selepas pengemaskinian data dan pemantauan berterusan dijalankan, menunjukkan penurunan dalam jumlah tapak binaan RIBI tanpa kebenaran. Setakat Mei 2025, jumlah tapak tanpa kebenaran yang direkodkan di MBPP telah menurun kepada 115, manakala angka di MBSP sebanyak 21.

Ini menunjukkan bahawa usaha pemantauan dan pengemaskinian data yang dilaksanakan telah memberikan kesan positif ke arah penyelesaian isu ini.

- a) Sehingga kini 124 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara tindakan yang dilaksanakan pihak PBT adalah mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran dan Notis Meruntuh / Notis Mengosongkan Bangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
- b) Usaha Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Penyelarasan RIBI bersama agensi teknikal sentiasa memantau kewujudan RIBI yang dibina tanpa kelulusan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga sedang giat membantu pihak RIBI yang tidak berdaftar untuk mengemukakan permohonan secara formal kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan kelulusan yang sah sebelum melaksanakan kerja-kerja pembinaan struktur. Sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap rumah ibadat yang melibatkan isu teknikal atau status tanah, mestilah dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab, sensitif terhadap latar belakang komuniti, dan tidak mencetuskan ketegangan. Pendekatan harmoni ini akan memberi ruang untuk penyelesaian yang lebih berkesan dan diterima oleh semua pihak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

29. Berapakah jumlah kes pencerobohan Hutan Simpan Kekal dan tanah kerajaan di Pulau Pinang yang telah direkodkan dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap kes-kes tersebut?
- (b) Apakah langkah-langkah pencegahan yang dirancang oleh kerajaan untuk mengurangkan pencerobohan ini pada masa akan datang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Pada ketika ini, tiada jumlah kes penerokaan haram di kawasan tanah hutan simpan dari tahun 2020 sehingga kini berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JHNPP).

Manakala, bagi jumlah kes penerokaan haram tanah Kerajaan dari tahun 2020 sehingga kini berdasarkan rekod di Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:-

Pejabat Daerah dan Tanah	Bilangan kes (2020-kini)
Seberang Perai Utara	188
Seberang Perai Tengah	0
Seberang Perai Selatan	85
Timur Laut	0
Barat Daya	11

- (a) Tindakan atau penguatkuasaan diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah di bawah peruntukan akta masing-masing seperti Seksyen 15 dan 32 Akta Perhutanan Negara 1984 dan Seksyen 425, 426 dan 426A Kanun Tanah Negara 1956 (Akta 828).
- (b) Kerajaan Negeri memantau secara berterusan kegiatan penerokaan haram di kawasan tanah hutan simpan atau milik kerajaan seperti berikut:-
 - (i) Pemantauan dilakukan secara berkala oleh Pejabat Daerah dan Tanah bersama agensi penguat kuasa lain melalui rondaan dan siasatan terhadap aduan yang diterima;
 - (ii) JHNPP bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perlindungan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Dalam usaha mencegah penerokaan haram, JHNPP melaksanakan pemantauan berterusan melalui beberapa pendekatan strategik. Rondaan dilakukan secara berkala di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang dikenal pasti sebagai "hot spot", dengan penekanan terhadap peningkatan kekerapan rondaan di lokasi tertentu; dan
 - (iii) Selain itu, teknologi dron turut digunakan bagi memantau kawasan hutan yang sukar diakses, manakala pemantauan melalui data imej satelit dilaksanakan menggunakan sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP) dan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS PLUS) yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama Agensi Angkasa Malaysia (MySA). Bagi mendapatkan imej satelit terkini, JPSM juga melanggan perkhidmatan daripada *Planet Dot Com*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

30. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan semua pembinaan surau dan masjid mematuhi garis panduan dan mendapat kebenaran yang sah?
- (a) Berapakah jumlah pembinaan surau atau masjid yang telah dikenal pasti dibina tanpa kebenaran di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini?
 - (b) Apakah tindakan yang telah diambil?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa *One Stop Centre* (OSC) bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bermula pada tahun 2010 manakala bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bermula pada Mei 2024 yang lalu.

Sehubungan itu, pelantikan MAINPP sebagai Ahli OSC di kedua-dua buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini telah membolehkan pihak MAINPP untuk mengawal dan memastikan semua pembinaan surau atau masjid mematuhi garis panduan sedia ada serta mendapat kebenaran yang sah.

- (a) Berdasarkan rekod semasa pihak MAINPP dalam OSC, tiada sebarang pembinaan surau atau masjid yang telah dibina tanpa kebenaran di Pulau Pinang sejak tahun 2020 sehingga kini. Hal ini telah menjadikan semua pembinaan surau atau masjid di Pulau Pinang adalah sepenuhnya mengikut kebenaran oleh pihak PBT dan MAINPP.

- (b) Pembinaan masjid dan surau di Pulau Pinang perlu mendapat kelulusan Mesyuarat MAINPP. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan akan diambil berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam atau PBT. Jika didapati tidak mematuhi peraturan, tindakan seperti pemberhentian kerja pembinaan, pengeluaran notis pencerobohan atau penyelarasan semula pembinaan akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dengan kerjasama MAINPP.